

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB
CANSELOR (AKNC)
2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

MD YUSOF BIN HAMID

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

HURAIZAH BINTI ARSHAD

PENULIS :

1. NAJMA BINTI AZMAN
2. HURAIZAH BINTI ARSHAD
3. HURAIZAH BINTI ARSHAD
4. NUR HISHAM BIN IBRAHIM
5. NUR HISHAM BIN IBRAHIM
6. THURAIYA BINTI MOHD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Barisan kepimpinan UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) terdiri daripada **Rektor bersama enam Pengurusan Eksekutif** mengamalkan pendekatan sistematik melalui **transformasional berimpak tinggi** dalam merancang dan mensasarkan agenda serta pelan tindakan UiTM. Agenda ini disokong ketua di setiap bahagian, fakulti, jabatan dan unit ke arah mencapai visi, misi dan objektif UiTM. Barisan kepimpinan UiTMCP **sentiasa peka terhadap perubahan dalam sistem dan proses kerja semasa** bagi menjadikan UiTMCP universiti dinamik, teguh mendokong visi dan misi UiTM bagi menerajui dinamisme bumiputera tangkas dan profesional bertaraf dunia sejajar **Globally Renowned University 2025**. Amalan nilai murni **ESI-IDART** diterapkan sebagai budaya kerja kepada setiap warga UiTMCP. Kepimpinan UiTMCP melaksanakan sistem pengurusan yang berasaskan pendekatan **PDCA iaitu perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act)**. Pendekatan tersebut dilaksanakan secara sistematik, tangkas dan profesional dengan penuh tanggungjawab. Pelaksanaan pendekatan di peringkat pertama ialah merangka dan menghasilkan **Pelan Tindakan Strategik (SAP)** melalui kaedah **'top-down dan bottom-up'** dengan melibatkan **kerjasama Pengurusan Eksekutif (PE) bersama Pihak Tanggung Jawab Pelaksana (PTJP)**. Peringkat kedua penglibatan bersama diketuai oleh PE dan pelaksana dari Unit/Fakulti/Pusat Pengajian dan seluruh warga kampus dalam merealisasikan perancangan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan Strategik. Untuk memastikan kampus dan warga bergerak sejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025, kepimpinan UiTMCP melaksanakan pendekatan dan **proses penyelarasan berasaskan 3 'thrust strategics' UiTMCP: Quality Education, Global Excellence dan Value-driven Performance** dengan mengaplikasi 3 tujuan utama (i) **Hasil Perancangan Strategik dengan tumpuan terhadap keberkesanan perancangan strategik dalam memacu kemampuan pengurusan dan pembangunan pelajar** (ii) **Hasil berasaskan pelanggan dengan tumpuan kepada pemupukan bakat dan pembangunan kerjaya** dan (iii) **Hasil berasaskan operasi dengan menumpukan kepada pemerkasaan kepimpinan dan keserakanan**. Ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025, bersama-sama merealisasikan UiTM ke arah melonjakkan kecemerlangan UiTM menjadi 'a Globally Renowned University 2025'.

Kecekapan kepimpinan UiTMCP ditonjolkan melalui **perancangan strategik, penyelarasan strategi dirancang kepada seluruh warga kampus, disertai pelaksanaan efektif dan pemantauan berkala yang mengambilkira risiko dihadapi agar tindakan penambahbaikan dapat dilakukan**. Beberapa platform seperti mesyuarat dan bengkel digunakan untuk perbincangan intervensi dan mitigasi oleh barisan kepimpinan bersama PTJP dan dibantu jentera sokongan lain. **Sejajar dengan bidang tumpuan BHEP iaitu pengurusan dan pembangunan pelajar, kepimpinan UiTMCP telah menetapkan agenda spesifik dalam perancangan dan pengukuran utama pencapaian ke arah "Globally Marketable 2023" dan "Global Talent"**. Ini dilaksanakan menerusi SAP PTJ 2023 iaitu i-PROCOMM, International Sulam, Talent Connect, SUPRO e-Sports dan UNIFEST23, menetapkan **tiga objektif SAP iaitu melahirkan profesional berinovatif, berdaya keusahawanan dan berpesonaliti unggul, menyediakan perkhidmatan berkualiti serta pembangunan pelajar yang holistik melalui penyertaan pelbagai aktiviti berteraskan kepimpinan, kemasyarakatan, kesukarelawan dan keusahawanan**.

Ketampakan kepimpinan UiTMCP terserlah dengan menggalakkan **jalinan industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa** dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Kepimpinan UiTMCP komited memperkasa pengurusan dan pembangunan pelajar melalui perancangan, perolehan bajet, penyediaan fasiliti, bimbingan, latihan dan pemantauan serta penambahbaikan berterusan.

Justeru, UiTMCP melalui BHEP memfokus kepada **merangka dan melaksana program pembangunan pelajar secara bersepadu dan holistik** dengan meningkatkan kepedulian

Setiap Pelajar Berkeperluan Khusus bagi melancarkan graduan Bumiputera unggul berteraskan kepada keseimbangan dan kesepaduan intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Barisan kepimpinan UiTMCP khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) diketuai oleh Timbalan Rektor BHEP mengamalkan **pendekatan sistematik melalui kepimpinan transformasional dalam menstimulasi pelajar UiTMCP secara intelektual dan profesional**. Pembangunan intelektual dan profesional pelajar secara holistik adalah penting bagi menjayakan aspirasi UiTM 2025 sejajar dengan misi UiTM melahirkan Bumiputera profesional tangkas menerusi pembangunan kurikulum terkedepan berteraskan nilai-nilai kecemerlangan, sinergi dan integriti.

Sejajar dengan komitmen UiTMCP memacu prestasi memenuhi cetusan transformasional, BHEP telah **membentuk pelan strategik** sebagai panduan pencapaian perancangan mampan. Ini dilaksanakan menerusi inisiatif berdasarkan penambahbaikan hasil PTJ merangkumi **Pelan Tindakan Strategik (SAP), Objektif Kualiti (OK) UiTMCP dan Objektif BHEP** yang dimetrai kepada Pelan Tindakan Inovasi Kepimpinan (**L1-2a**). Barisan kepimpinan UiTMCP bijak memacu kecemerlangan dengan memastikan penyampaian perkhidmatan berkesan yang bergerak seiring seluruh warga dengan keterlibatan pelajar, pensyarah dan pentadbir dalam merealisasikan Kebolehpasaran Global 2023.

BHEP bertanggungjawab mengurus segala hal ehwal berkaitan pelajar. Melalui **pendekatan Collaborative Leadership**, Timbalan Rektor BHEP bersama-sama ketua setiap unit di bawah BHEP iaitu Unit Pentadbiran, Unit Sukan, Unit Kaunseling, Unit Residensi & Hospitaliti Pelajar, Unit Kokurikulum, Unit Kesenian & Kebudayaan, Unit Kepimpinan Pelajar dan Unit Kesihatan sentiasa bersinergi memastikan aspirasi dirancang, dilaksana dan direalisasikan dengan jayanya. Sinergi ini turut membentuk suasana kerja inklusif, membina hubungan kuat dengan semua unit dan menggalakkan dialog terbuka melalui pelbagai platform mesyuarat, bengkel dan taklimat (**L1-2b**).

Kebijaksanaan kepemimpinan UiTMCP melalui **pendekatan Visionary Leadership** terserlah melalui penetapan fokus tumpuan BHEP untuk memenuhi fungsi 2 teras utama iaitu Kepimpinan & Pembangunan Pelajar (KPP), serta penyediaan Kemudahan dan Perkhidmatan (PKP) kepada pelajar. Kepimpinan UiTMCP **sentiasa kreatif menghasilkan inovasi bagi kecemerlangan operasi seperti Inovasi Profail Pelajar, Saringan Minda Sihat, serta Smart Zakat (L1-2c)**. Fungsi BHEP adalah selaras objektif UiTMCP menjadi universiti ulung kalis zamdalam melahirkan Bumiputera tangkas yang ditunai dengan nilai kecemerlangan dan integriti sebagai landasan kejayaan generasi masa hadapan, diterapkan nilai Kemahiran Insaniah yang tinggi serta berpersonaliti unggul.

UiTMCP memastikan tatakelola baik menerusi perancangan dan sasaran bagi setiap aktiviti dan **penglibatan pelajar bersama rakan strategik** seperti agensi kerajaan dan swasta samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. UiTMCP memberi sokongan, galakan dan bimbingan kepada pelajar dalam menjalin jaringan dengan komuniti dan industri. Perkongsian pengetahuan dan bakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ini bermatlamatkan kecemerlangan bakat kepimpinan pelajar dapat digilap dalam melahirkan perintis pemimpin mampan melalui **inovasi Ikon Pelajar dan kerangka pengukuhan bakat pelajar (PLASMA) (L1-2d)** sejajar dengan tema BHEP "Globally Marketable 2023" dan "Global Talent". Di samping itu, Pelan Tindakan PdP Inovatif dengan membawa pendekatan pengajaran berasaskan *Community-Based Learning* diadaptasikan dengan pembangunan kurikulum SULAM.

Kepimpinan UiTMCP sentiasa mengutamakan aspek pembangunan pelajar. Justeru, **penghayatan ihsan dalam kalangan pelajar** diterapkan melalui peruntukan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti di pelbagai peringkat seperti program Kiosk Keusahawanan di Tesson School 2 di Betong, Thailand serta Kem Teraju Mahasiswa kepada barisan Calon MPP (**L1-2e**). **Penghayatan ihsan menerusi pengajaran** turut diterapkan oleh pensyarah melalui kurikulum SULAM dan CBL dengan mengimplementasikan ilmu berfikir secara kritis dan analitis serta kemahiran insaniah. Pemikiran analitikal dan kemahiran insaniah ini bermatlamat untuk melahirkan pemimpin yang berakhlak, berfikiran terkedepan serta inovatif dan kreatif ke arah

mensejahterakan masyarakat dan negara.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_K01_KB02_20241_L1-2a Strategic Action Plan UiTMCP & Objektif Kualiti UiTMCP 2021-2025_.pdf](#)
2. [K0017_K01_KB02_20242_L1-2b Buku Pelan Perancangan Strategik 2020-2025 Bahagian Hal ehwal Pelajar_.pdf](#)
3. [K0017_K01_KB02_20243_L1-2c Saringan Minda Sihat, Smart Zakat_.pdf](#)
4. [K0017_K01_KB02_20244_L1-2d Kerangka pengukuhan bakat pelajar \(PLASMA\)_.pdf](#)
5. [K0017_K01_KB02_20245_L1-2e Kurikulum Sulam, Peruntukan Kewangan, Kemahiran Insaniah_.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan UiTMCP mengutamakan strategi pelaksanaan yang sistematik dan komprehensif melibatkan pelaksanaan menyeluruh dalam usaha menyebarluas perancangan melalui SAP dan OK. Ini merupakan inisiatif merealisasikan ketiga-tiga tujahan utama iaitu hasil perancangan strategik, hasil berasaskan pelanggan dan hasil berasaskan operasi yang memfokus kepada bidang tumpuan: Pengurusan & Pembangunan Pelajar.

Ketampakan kepimpinan UiTMCP yang dinamik melalui **transformasional dibuktikan** melalui perkongsian hala tuju **SAP, OK dan OK UiTMCP**. Perluasan dan perkongsian hala tuju UiTMCP digerakkan melalui saluran komunikasi secara sehalu dan dua hala **seperti Amanat Naib Canselor, Amanat Tahun Baru Rektor, Townhall Coffee with Rector, pekeliling, mesyuarat, bengkel, taklimat, diari korporat, emel, laman sesawang dan media sosial (L1-3a)**.

Tindakan perluasan ditonjolkan oleh barisan kepimpinan dengan memberi keutamaan melahirkan mahasiswa profesional menepati kehendak pasaran global serta memenuhi aspirasi keperluan negara. Ini dicapai menerusi **collaborative leadership** iaitu **dialog secara terbuka bersama Kepimpinan UiTMCP, PTJ, MPP dan Majlis Presiden seperti mesyuarat secara berkala, terancang dan berinovasi supaya keputusan secara kolektif berjaya dihasilkan (L1-3b)**. **Pemantauan dan penilaian berkala** setiap aktiviti bertujuan untuk tindakan **penambahbaikan secara berterusan** juga dilaksanakan.

Untuk memastikan warga UiTMCP khususnya pelajar sentiasa peka dan prihatin dengan aspirasi UiTM, perkongsian secara bersasar dan berkala dilaksanakan. Maklumat sejarah UiTM, falsafah, misi, objektif dan Moto UiTM bersama OK UiTMCP, IDART dan nilai ESI UiTM dibukukan di dalam **Buku Panduan Minggu Destini Siswa (L1-3b)** dan disebarluas kepada pelajar baharu semasa **Minggu Destinasi Siswa (MDS)**. Penyebarluasan bertujuan untuk berkongsi matlamat dan aspirasi UiTM agar seluruh warga UiTMCP bergerak bersama-sama memenuhi dan merealisasikan misi dan visi UiTM melahirkan **Mahasiswa Bersinergi dan Berintegriti Ke Arah Kecemerlangan Universiti**. Ini sejajar dengan tema UiTM "Globally Marketable 2023" dan "Global Talent".

Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) di bawah HEP mengambil sikap proaktif menyediakan maklumat Halatuju Kepimpinan Pelajar UiTM Perak dan dikongsi dengan pelajar melalui kerangka pengukuhan kepimpinan pelajar. Kerangka ini menekankan nilai ESI untuk menggilap bakat kepimpinan pelajar serta menggembelng tenaga memenuhi aspirasi negara dan UiTM secara khusus. Peranan UKP menggilap bakat kepimpinan pelajar dilaksanakan dengan mengenalpasti pelajar berpotensi menjadi pemimpin, menyediakan latihan kepimpinan, membangunkan modul kepimpinan dengan penghayatan semangat kenegaraan serta menyebarluas perancangan strategik yang telah dirancang **(L1-3c)**. Selain itu, unit-unit dibawah keseliaan HEP bersama-sama berganding bahu memastikan perancangan program dan aktiviti membantu menyerlah potensi pelajar **melalui Latihan kepimpinan seperti Modul Kepimpinan Profesional, Modul Kepimpinan Dinamik, Modul Kepimpinan Ikon dan Modul PADU (Program Asas DNA UiTM)**.

Kecemerlangan bakat kepimpinan **instruksional** distimulasi melalui **pencalonan bakat baru seperti pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), dan Model Kepimpinan Pilih, Latih, Semai, Mantap dan Anugerah (PLASMA)**. **Model Kepimpinan PLASMA ini adalah satu inovasi yang digunapakai di UiTMCP sebagai penyelaras (L1-3d)**. Misi dan visi UiTM, SAP UiTMCP dikongsi menerusi wadah latihan kepada para pelajar, bermatlamat untuk melahirkan pelapis yang bakal meneruskan teraju kepimpinan negara dengan memberi galakan dan latihan meningkatkan kemahiran, memperkasa bakat kepimpinan dan pengurusan. Di samping itu, pengurusan kerohanian dan ukhuwah juga disediakan kepada pelajar.

Penyebarluasan kerjasama strategik dengan komuniti, industri dan agensi dipacu

melalui penglibatan pelajar di peringkat universiti, komuniti, kebangsaan dan antarabangsa melalui program khidmat masyarakat serta projek komuniti selaras dengan matlamat *Sustainable Development Goals* (SDGs) (L1-3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_K01_KB03_20241_L1-3a Amanat VC dan Amanat Rektor_.pdf](#)
2. [K0017_K01_KB03_20242_L1-3b Buku Panduan Minggu Destini Siswa_.pdf](#)
3. [K0017_K01_KB03_20243_L1-3c Peranan UKP_.pdf](#)
4. [K0017_K01_KB03_20244_L1-3d Model Kepimpinan PLASMA_.pdf](#)
5. [K0017_K01_KB03_20245_L1-3e Progran Bermatlamatkan SDG_.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan UiTMCP menerajui bidang tumpuan seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan pelajar seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Kepimpinan UiTMCP menggunakan inisiatif bersasar memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar berjalan dengan lancar melalui pendekatan 'top-down' dan 'bottom-up'. **Pelan pemantauan SAP** diperkasa dalam meneliti pelaksanaan dan pencapaian SAP 2023 menerusi **inovasi UiSMS sebagai input pelaporan PI dalam Sistem UePMO (L1-4-1a)**. Pelan Tindakan SAP dipantau melalui Mesyuarat Eksekutif Negeri, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Negeri (JPMSN) yang dibuat empat kali setahun. Pelan Pemantauan Objektif Kualiti (OK) melalui inovasi Templat Skor Pencapaian OK (SKP-OK) diimplementasi bagi memantau pencapaian OK UiTMCP. Pelan Tindakan OK dipantau melalui MKSP dua kali setahun menggunakan tatakelola ADLI dan LeTCI. Segala ketidakcapaian dalam PI dan OK dikenalpasti dan diterjemahkan melalui Templat Log Tindakan mengambilkira isu, punca kegagalan, dan tindakan intervensi dengan strategi SMART bagi mengatasi kegagalan dan mentransformasi pencapaian PI dan OK **(L1-4-1b)**.

Proses pemantauan bidang tumpuan bagi fungsi KPP, melibatkan **pemantauan secara berperingkat** melalui Mesyuarat Eksekutif Negeri, Mesyuarat Ketua Unit BHEP, MPP, Majlis Presiden, dan Persatuan/Kelab Pelajar. Platform ini membincangkan isu pelajar serta keberkesanan program menerusi analisa pencapaian dan kegagalan. Peringkat Persatuan/Kelab dan Majlis Presiden menjadi wadah pelajar menyuarakan pandangan yang dizahirkan dalam Mesyuarat MPP. Pemimpin MPP yang terampil mampu meraih sinergi bersama warga pelajar melaksanakan tindakan intervensi mengatasi kegagalan dan mencapai matlamat ditetapkan. Kepimpinan MPP memainkan peranan memastikan pandangan pelajar didengar dan dipelihara kepentingan di peringkat institusi. Pelan pemantauan KPP turut ditaksir melalui Anugerah Kecemerlangan Pelajar (AKP). Pelan pemantauan pencapaian akademik dan kompetensi bakat pelajar dipantau di peringkat jabatan menerusi analisa pencapaian KPI peperiksaan, GOT, GE, *Student Profile*, *EES*, *Student Happiness Index (SHI)*, *CDL-CQI OBE-SCL*, dan pencapaian PLO program. Analisa ini diterjemahkan dalam Log Tindakan dan dibincangkan dalam Mesyuarat KPP dan KP, Mesyuarat JKA dan JAN **(L1-4-1c)**.

Pelan pemantauan bidang tumpuan bagi fungsi PKP digarap melalui SHI, SLEQ, SuFO, ReSuFO yang dilaksanakan secara konsisten pada setiap semester. Selain itu, maklum balas kepuasan hati pelanggan diperkasa sebagai pelan pemantauan fungsi PKP melalui platform eAduan dan Soal-selidik Kepuasan Hati Pelanggan. Dapatan ini akan dianalisa dan dibentangkan di dalam MKSP bagi penambahbaikan berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_K01_KB04_KC01_20241_L1-4-1a Pemantauan Pelan Strategik Tadbir Urus \(UePMO\) .pdf](#)
2. [K0017_K01_KB04_KC01_20242_L1-4-1b Proses Pemantauan .pdf](#)
3. [K0017_K01_KB04_KC01_20243_L1-4-1c Pencapaian Kompetensi Akademia .pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Selaras dengan fungsi BHEP dalam menguruskan **perkhidmatan dan pembangunan pelajar**, pengurusan Kanan BHEP **sentiasa cakna risiko keterlibatan pelajar**. Langkah tuntas diambil memastikan setiap risiko tidak menjejaskan prestasi akademik. **Analisa SWOT** digunakan sebagai teknik perancangan untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelajar.

Setiap risiko akan dikenalpasti, ditaksir mengikut tahap pendedahan dan ditentukan langkah mitigasi yang bersesuaian. Petunjuk Risiko Utama (KRI; *Key Risk Indicator*) dibangunkan sebagai indikator kebarangkalian kejadian setiap risiko. Pemantauan berterusan dilakukan dengan mengintegrasikan metrik prestasi ke dalam keseluruhan sistem pengurusan risiko. Kesemua risiko merangkumi **kualiti modal insan, fasiliti fizikal, kewangan dan kemalangan** akan didaftarkan di dalam Sistem eRMS serta dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko diselaraskan Penyelaras Risiko (**L1-4-2a**).

Melihat kepada teras tanggungjawab BHEP dalam memperkasa kepimpinan dan pembangunan pelajar (KPP) sebagai modal insan, UiTMCP melalui UKP komited melaksanakan **Modul Kepimpinan Pelajar** untuk menggilap bakat kepimpinan. Ini termasuk melibatkan pelajar kepada program kepimpinan anjuran agensi luar sebagai langkah pemerkasaan bakat kepimpinan. Selain itu, demi menjamin kualiti kesihatan pelajar di tahap terbaik, UiTMCP melalui UKK turut melaksanakan **pemantauan risiko kesihatan pelajar** melalui intervensi **Saringan Minda Sihat** pada setiap awal semester. Pendekatan seperti Ujian Urine di bawah tatakelola PPB dilaksanakan setiap semester bagi menghindar dan mengekang risiko gejala dadah (**L1-4-2b**).

Merujuk fungsi yang berpaksi kepada **teras perkhidmatan dan kemudahan pelajar (PKP)**, UiTMCP menerima kemasukan pelajar OKU (Pelajar Berkeperluan Khusus) dan komited dalam pengurusan dan penyediaan penempatan, fasiliti dan infrastruktur yang bersesuaian. Pengurusan risiko fasiliti fizikal di bawah tatakelola BPF sentiasa cekap menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur. Inisiatif dan komitmen diambil untuk menjamin pencapaian akademik pelajar OKU, sekaligus memperjelas keprihatinan UiTM cakna kepada pelajar berkeperluan khas.

Operasi UiTMCP terdedah kepada risiko kewangan. Kepimpinan UiTMCP berinisiatif dalam **mengurus risiko ini dengan memindahkan risiko kewangan melalui projek kolaborasi bersama agensi luar**. Strategi ini bertujuan melestarikan keupayaan kewangan bagi memastikan kelangsungan aktiviti pelajar.

Inisiatif Kampus Hijau yang menyediakan kemudahan *E-Scooter* mendedahkan pelajar kepada risiko keselamatan. Terdapat kebarangkalian berlaku kemalangan akibat kecuaiian dan tidak mengikuti peraturan. Justeru, pelaksanaan langkah-langkah **mitigasi keselamatan diimplementasikan melalui hebahan peraturan penggunaan** oleh BHEP dan MPP, pertolongan kecemasan oleh Renjer *E-Scooter* dan pemantauan operasi *E-Scooter* PPB (**L1-4-2c**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_K01_KB04_KC02_20241_L1-4-2a Sistem Pengurusan Risiko \(e-RMS\)_.pdf](#)
2. [K0017_K01_KB04_KC02_20242_L1-4-2b Proses Mengenalpasti Risiko_.pdf](#)
3. [K0017_K01_KB04_KC02_20243_L1-4-2c Proses Kawalan Risiko_.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Barisan kepimpinan UiTMCP sentiasa memastikan setiap proses kerja ditambahbaik dan dinilai tahap risiko melalui kajian semula dan tindakan penambahbaikan ke arah menggerakkan hasil perancangan strategik, hasil berasaskan pelanggan dan hasil berasaskan operasi.

Kajian Semula Pengurusan dilaksanakan menerusi mesyuarat tertinggi di UiTMCP yang dipengerusikan oleh Rektor. Platform tersebut merangkumi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang diadakan setiap bulan, Mesyuarat MKSP pula diadakan dua kali setahun dan JPMSN **menganalisa Skor Pencapaian PI i-UiTM** diadakan setiap tiga bulan serta Mesyuarat MPD diadakan empat kali setahun. Mesyuarat-mesyuarat ini diselaraskan secara sistematik dalam takwim tahunan pengurusan bagi memastikan tiada pertindihan program. **Log tindakan dan laporan kajian semula keberkesanan sistem kawalan dalaman** disediakan untuk dianalisa. Selain penggunaan mesyuarat rasmi, platform lain seperti emel rasmi UiTM, whatsapp, MPP i-Centre, media sosial, laman sesawang dan soal selidik kepuasan pelanggan adalah mekanisme yang dilaksanakan pengurusan bagi memastikan inisiatif berkenaan mendapat maklumbalas daripada seluruh sistem dan warga UiTMCP **(L1-4-3a)**.

Tindakan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan tren pencapaian prestasi. Tren pencapaian ini dianalisa bagi mengenal pasti tindakan susulan penambahbaikan. Antara indikator yang disemak berkait dengan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar adalah 8 SAP, 35 PI dan 14 OK yang terkait secara langsung dengan pelajar **(L1-4-3b)**.

Laporan penemuan Audit Dalam dan Audit Prosedur merupakan platform yang signifikan dalam merangka kajian semula dan tindakan penambahbaikan **(L1-4-3c)**. Hasil penemuan audit dianalisa dan dibentangkan kepada ketua PTJ. Di peringkat PTJ, hasil mesyuarat akan disebarluaskan kepada semua staf jabatan supaya tindakan penambahbaikan dapat dilakukan dengan efisien. Ketua PTJ melaporkan hasil penambahbaikan dalam Log Tindakan. Ketua Sistem Audit mengesahkan laporan tersebut dengan bantuan auditor dan membentangkan Laporan Eksekutif dalam Mesyuarat MKSP.

Penilaian sendiri dilaksanakan sebagai langkah pragmatik untuk menilai refleksi setiap aduan diterima melalui **Analisa Aduan dan Maklumbalas Pelanggan** yang dibentangkan dalam MKSP. Analisa berterusan terhadap aduan dan risiko dilaksanakan dan dikaji semula terutamanya bagi yang berisiko tinggi. Selain itu, BHEP UiTMCP turut mengadakan sesi libat urus bersama para pelajar dan Staf Residen Kolej. Latihan berterusan diperkasa menerusi program pembangunan latihan kemahiran insaniah dan kepimpinan serta memperbaiki sistem sokongan seperti kaunseling, bimbingan akademik, dan perkhidmatan kesihatan mental. Sinergi ini mewujudkan hubungan yang erat bagi proses penambahbaikan ke arah keberhasilan bersama.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_K01_KB04_KC03_20241_L1-4-3a Platform Kajian Semula Pengurusan_.pdf](#)
2. [K0017_K01_KB04_KC03_20242_L1-4-3b Pencapaian Skor PI_.pdf](#)
3. [K0017_K01_KB04_KC03_20243_L1-4-3c Laporan Penemuan Audit_.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan UiTMCP menonjolkan kepakaran dan bakat dalam menerajui inisiatif strategik dan objektif yang ingin dicapai dengan menggunakan konsep Kepimpinan Melalui Teladan. Barisan kepimpinan menggerakkan agenda ini dengan penuh bijaksana melalui pengagihan petunjuk prestasi kepada peneraju setiap bahagian dengan merangka pelbagai pelan tindakan, penambahbaikan, inovasi, intervensi dan mitigasi bagi memacu kecemerlangan universiti di peringkat global dan global. Di samping itu, petunjuk prestasi dipantau dan pelan tindakan diambil di beberapa platform seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat MKSP, JPMSN, Mesyuarat MPD, dan Mesyuarat BHEP secara konsisten.

Dalam memastikan hasrat universiti tercapai, kepimpinan UiTMCP membangunkan **Pelan Integrasi Pencapaian Perkhidmatan**. Melalui pelan ini, beberapa inovasi prosedur kerja dibangunkan bagi memantapkan budaya penyampaian perkhidmatan cemerlang seperti Model Pelaksanaan Perancangan Strategik, Objektif Kualiti, Templat Pelaporan MKSP dan Templat Pelaporan Pencapaian PI (L1-5-a).

Sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi universiti terkemuka dunia bagi menyokong pembentukan Malaysia MADANI, UiTM memberi tumpuan ke arah melahirkan pelajar berjenama **Global Competence Global Marketable**, para pelajar UiTMCP turut dilibatkan dengan pelbagai program di peringkat global dan global samada berbentuk akademik dan bukan akademik (L1-5-b). Konsep Kebolehpasaran Global ini berkait rapat dengan kemampuan warga UiTM untuk menarik perhatian warga global menerusi pelbagai inisiatif antarabangsa yang telah dijalankan dan sedang giat dilaksanakan. Bagi memastikan sasaran Kebolehpasaran Global dilaksanakan secara efektif bertujuan melahirkan pelajar serba lengkap dengan '*smart and sharp skills*' menerusi pembangunan sahsiah atau '*character development*' dan kepimpinan. Justeru, UiTMCP mengintegrasikan konsep pembangunan insaniah dan kepimpinan melalui inisiatif seperti menyediakan latihan kepimpinan, mengenalpasti pelajar yang berpotensi untuk memimpin, dan membangunkan modul contohnya modul kenegaraan. Disamping itu, UiTM mengaplikasikan model kehidupan kampus yang bersifat lebih terangkum dengan mengintegrasikan Polisi Pengajian Inklusif untuk OKU, Pelajar Berkeperluan Khusus dan Kurang Terwakil bagi melebar akses dan menyokong prinsip kesamaan dalam pendidikan tinggi.

Kepimpinan UiTMCP melihat kepada kepentingan menyemai semangat patriotisma dan membudayakan nilai-nilai ESI-IDART UiTM ke dalam kepimpinan pelajar. Ini diintegrasikan melalui prakarsa **Global Talent** menerusi inovasi program **International Professional Communication and Collaboration (i-PROCOMM)**. UiTMCP turut mempersiapkan pelajar ke arah kemahiran penjenamaan diri sebagai persediaan mendapat pekerjaan melalui tips dan kerjasama dengan pihak industri melalui integrasi program **Talent Connect (L1-5-c)**.

Dalam melahirkan modal insan, UiTMCP juga menjalankan pelbagai bentuk program seperti 'mentorship', kesukarelawan, tanggungjawab sosial dengan memacu aktiviti berbentuk SULAM, **University Social Responsibility** bersama komuniti melalui keterlibatan pelajar dalam membudayakan pemindahan ilmu dan melatih pemikiran kritis ke arah mensejahterakan masyarakat di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Melalui integrasi program **Creativity, Innovative & Virtuality In Life (CIVIL)**, **UNIFEST'23** dan **SUPRO e-Sports**, UiTMCP turut membudayakan kemahiran dan jati diri pelajar dalam membentuk sebuah organisasi dan mewujudkan proses **pemindahan ilmu di antara pelajar dan komuniti setempat secara berterusan (L1-5-d)**.

Kepimpinan UiTMCP membudayakan kesejahteraan pelajar melalui pemeliharaan kesihatan minda, fizikal dan rohani untuk mencapai kehidupan yang lebih sejahtera ke arah **Globally Respected Graduands** dengan melibatkan perkongsian ilmu dari kaunselor UiTMCP dan panel jemputan (L1-5-e). Pelbagai inisiatif diintegrasikan dari sepuluh lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi 2015-2025) yang menjadi teras kepada kelestarian hubungan dinamik di antara universiti, kerajaan, industri, masyarakat dan alam sekitar melalui

Quintuple Helix Engagement Model.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_K01_KB05_20241_L1-5-a. Pelan Integrasi Pencapaian Perkhidmatan_.pdf](#)
2. [K0017_K01_KB05_20242_L1-5-b. Global Competence Global Marketable_.pdf](#)
3. [K0017_K01_KB05_20243_L1-5-c Talent Connect_.pdf](#)
4. [K0017_K01_KB05_20244_L1-5-d Pemindahan Ilmu Berterusan Pelajar-Komuniti Setempat dan Sukan_.pdf](#)
5. [K0017_K01_KB05_20245_L1-5-e Globally Respected Graduands_.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik yang komprehensif merupakan satu mekanisma yang diangkat oleh UiTM Cawangan Perak (UiTMCP) untuk menilai dan mengukur prestasi berfokuskan keberhasilan, bermatlamatkan pelanggan dan berlandaskan aspirasi pemegang taruh demi memperkasa lonjakan transformasi yang dicanang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM(PT)). Petunjuk prestasi yang diturunkan kepada UiTMCP melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dipetakan kepada Sustainable Development Goals (SDG), dan Rancangan Malaysia Ke-12 agar pencapaian UiTMCP menjadi lebih bermakna dan sejajar dengan keperluan negeri, negara dan kehendak global.

Pendekatan yang diambil oleh UiTMCP adalah berdasarkan pelan strategik UiTM 2025 yang mensasarkan untuk menjadi universiti terkemuka dunia (*Globally Renowned University (GRU)*) pada tahun 2025 dengan tema khusus pada tahun 2023 – *Globally Marketable*. BHEP UiTMCP merupakan satu elemen penting dalam memacu Transformasi Mahasiswa UiTM (TAMU) dan ini adalah selari dengan **bidang tumpuan – Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**. Melalui **Strategic Trust (STT1)** iaitu **pendidikan berkualiti, lima SAP telah diamanahkan kepada BHEP**. Selain SAP, pencapaian pengurusan dan pembangunan pelajar UiTMCP turut diukur berasaskan **Objektif Kualiti (OK)** yang juga selari dengan Perancangan Strategik UiTMCP. Pengurusan dan pembangunan pelajar telah direncanakan dengan teliti untuk memastikan keberhasilan yang berimpak seiring dengan aspirasi GRU2025.

UiTMCP telah **melaksanakan ‘top-down approach’** di mana setiap petunjuk prestasi yang disalurkan oleh BTU kepada UiTMCP, akan dipanjangkan kepada ketua-ketua bahagian dan jabatan melalui MPD dan seterusnya kepada ketua-ketua unit melalui mesyuarat di jabatan masing-masing. Maklumat berkenaan objektif dan inisiatif universiti juga disampaikan kepada semua warga UiTMCP melalui Majlis Amanat Naib Canselor dan Majlis Amanat Rektor. Selain pemakluman rasmi yang disebarluaskan, Perancangan Strategik turut dibukukan dan diserahkan kepada setiap Ketua PTJ manakala paparan Objektif Kualiti dibingkaikan di setiap bahagian, jabatan dan unit untuk peringatan dan rujukan warga.

Pemantauan di UiTMCP dilaksanakan secara berperingkat, dimana sistem **UePMO** diaplikasi bagi pelaporan diperingkat UiTM. **Skorkad Pelaporan Objektif Kualiti (SKP-OK)** digunakan untuk pemantauan proses dan tahap pencapaian objektif kualiti. Manakala di peringkat BHEP, **e-Reporting, SmartHEP** diaplikasi untuk memantau pencapaian PI bagi tujuan pelaporan kepada TNCHEP. Di samping itu, **daftar risiko** disediakan untuk memastikan risiko dapat dipantau agar semua proses dapat dikawal dan diselia dengan berkesan. Pengurusan risiko bagi operasi utama UiTMCP telah dikelaskan kepada empat tahap iaitu Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal. Pengkelasan tahap ini ditentukan bergantung kepada kemungkinan kejadian yang tidak diingini dalam jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi tersebut. Tiga kategori impak risiko telah dikenal pasti bagi pengurusan dan pembangunan pelajar, iaitu pelaksanaan projek, risiko kewangan dan risiko pengurusan maklumat.

Tindakan penambahbaikan di UiTMCP dipantau dan diselaraskan oleh Unit Pengurusan Kualiti (UPK) secara amnya. UPK melaksanakan pemantauan melalui proses audit dalam dan luaran. Pelaporan penemuan audit dilaporkan dalam MKSP bagi tujuan penambahbaikan dan pembetulan yang menjurus kepada kecemerlangan organisasi. Manakala bagi pembangunan dan pengurusan pelajar dilaksanakan oleh BHEP dan BHEA akademik. Pelaksanaan program, aktiviti atau projek di bawah BHEP pula, dipantau oleh ketua-ketua unit. Penambahbaikan berterusan dijalankan melalui retreat perancangan strategik di mana, pencapaian prestasi UiTMCP tahun sebelumnya dibincangkan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dan kaedah untuk menambah baik operasi dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan demi kecemerlangan bidang tumpuan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCP telah diamanahkan oleh BTU untuk merealisasikan **14 PI (L2-2a)** yang relevan dengan pembangunan dan pengurusan pelajar sebagai bidang tumpuan UiTMCP. Pencapaian PI diperkukuhkan dengan **8 Objektif Kualiti** yang selari dengan Perancangan Strategik UiTMCP agar matlamat yang menjadi halatuju tidak tersasar demi kecemerlangan organisasi. Setiap inisiatif yang telah dirancang turut dipetakan dengan 10 Lonjakan PPPM(PT) yang relevan dengan bidang tumpuan **(L2-2b)**.

Pelan strategik UiTMCP diwujudkan bertunjangkan kepada tiga teras strategik UiTM 2025 **(L2-2c)** iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Pelbagai **pendekatan** yang berfokuskan kepada pencapaian hala tuju **BHEP UiTMCP** melalui pelaksanaan lima inisiatif strategik iaitu *International Professional Communication and Collaboration (i-PROCOMM)*, *Creativity, Innovative & Virtuality in Life (CIVIL)*, *Unifest'23*, *Talent Connect* dan Kesejahteraan Pelajar kerana UiTMCP cakna kepada pengurusan dan pembangunan pelajar. Pelaksanaan setiap inisiatif strategik melibatkan pengendalian pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2023 bagi memenuhi PI yang diamanahkan kepada UiTMCP melalui BHEP.

Manakala BHEA mengambil pendekatan *Go Global, Go Digital* dan *Go Marketable*. Pendekatan BHEA dalam merealisasikan PI yang berkaitan dengan bidang tumpuan turut disokong oleh Objektif Kualiti **(L2-2d)** serta enam KPI Peperiksaan Akhir **(L2-2e)**. ICAN dan MASMED turut menyumbang kepada pembangunan pelajar dengan melaksanakan satu PI yang menjurus kepada penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan, khidmat masyarakat dan kebolehpasaran graduan.

Pelaksanaan lima projek utama pelan tindakan strategik UiTMCP yang telah diterajui oleh BHEP dengan melaksanakan 31 program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan penglibatan seramai 724 orang pelajar. Objektif Kualiti 11(e) menetapkan sasaran 300 pelajar terlibat dalam program kesukarelawan, kepimpinan, sukan dan kebudayaan di peringkat antarabangsa. Bagi PI033 iaitu penglibatan pelajar dalam pertandingan dan penyertaan *e-sport* di peringkat kebangsaan disasarkan 130 pelajar. Manakala penglibatan pelajar dalam program patriotism dan ESI-iDART disasarkan 14 pelajar (PI038).

UiTMCP dikenali sebagai kampus hijau yang komited dalam memperkasakan amalan kelestarian, sejajar dengan misi *UI GreenMetric World University* (Objektif Kualiti 14(g)). UiTMCP telah mensasarkan pelaksanaan **9 program dengan penglibatan pelajar bagi tujuan** memperkukuhkan kesedaran mereka terhadap kelestarian, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada pencapaian *Sustainable Development Goals* (SDG). *University Social Responsibility* (USR) **(Objektif Kualiti 13(a)) – sasaran 10 projek**, antara program yang dilaksanakan seperti CSR yang mendapat sambutan dan kejayaan adalah program *Mental Health: Peduli Diri*, Cakna Emosi bersama pelajar Maahad Tahfiz Addin, *Hands to Heart* di Rumah Seri Kenangan, Bakti Siswa dan gotong-royong bersama kariah Masjid Muhajirin Batu 7, Dungun.

Disamping merealisasikan inisiatif strategik yang telah dirancang, penglibatan pelajar dalam pelbagai program akan meningkatkan kesedaran tanggungjawab sosial, sekaligus memperkukuh peranan UiTMCP sebagai peneraju dalam mempromosi kelestarian dan kesedaran sosial di kalangan komuniti. Bagi penglibatan pelajar dalam program kesukarelawan antarabangsa dengan kerjasama industri telah disasarkan satu program bagi memenuhi PI028. PI037 merujuk kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti penciptaan dan inovasi dengan sasaran seramai **341 pelajar**. UiTMCP mengambil pendekatan pelaksanaan inisiatif strategik yang selari dengan bidang tumpuan dan memenuhi 10 Lonjakan PPPM(PT). Setiap pendekatan yang dirancang mestilah boleh diukur tahap pencapaiannya, keberkesanannya dan memberi impak khusus kepada bidang tumpuan dan pemegang taruh sama ada di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_P01_PB02_20241_L-2-2a Strategic Action Plan UiTMCP & Objektif Kualiti UiTMCP 2021-2025 .pdf](#)
2. [K0017_P01_PB02_20242_L-2-2b 10 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 \(Pendidikan Tinggi\) \(PPPM\(PT\)\) .pdf](#)
3. [K0017_P01_PB02_20243_L-2-2c Buku Pelan Perancangan Strategik 2020-2025 .pdf](#)
4. [K0017_P01_PB02_20244_L-2-2d Objektif Kualiti UiTM Cawangan Perak 2023.pdf](#)
5. [K0017_P01_PB02_20245_L-2-2e KPI Peperiksaan Universiti.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses perluasan objektif dan inisiatif Startegik UiTMCP yang menjurus kepada pengurusan dan pembangunan pelajar dimulakan dengan penyebarluasan pelaksanaan inisiatif strategik iaitu ***i-PROCOMM, Creativity, Innovative & Virtuality In Life (CIVIL), Unifest'23, Talent Connect dan Kesejahteraan Pelajar***. Pelan strategik UiTMCP yang selari dengan *GRU2025* telah digunakan sebagai acuan untuk merealisasikan semua PI yang diamanahkan oleh BTU. Setiap matlamat dan inisiatif strategik UiTMCP dipetakan selari dengan UNSDG, dan Rancangan Malaysia Ke-12.

Melalui lensa strategik, UiTMCP telah memupuk potensi pelajar melalui inisiatif yang sistematik dan terancang. Perluasan pelaksanaan inisiatif strategik UiTMCP telah sampai ke peringkat nasional dan antarabangsa. BHEP dan BHEA telah berkolaborasi di Arab Saudi, Pakistan, Thailand dan Indonesia. Dalam membentuk **pembangunan pelajar yang holistik**, UiTMCP turut memberi penekanan kepada **program kesukarelawan** selain kecemerlangan akademik. Salah satu inisiatif yang menonjol ialah *International Solar Project Community Malaysia-Thailand 2023*, sebuah projek khidmat masyarakat di bawah SULAM yang bertempat di Betong, Thailand (L2-3a). Program rentas negara ini melibatkan 35 pelajar dari UiTMCP yang bekerjasama dengan pelajar dari *Tessaban School 2*. Mereka menjalankan aktiviti seperti pemasangan panel lampu solar untuk pertanian, merekabentuk dan membina kiosk makanan mudah alih, menganjurkan Bengkel Bahasa Melayu dan sebagainya. Pelaksanaan program sebegini adalah selari dengan kehendak KPT yang telah merangka Teras Pembangunan Komuniti melalui *Students for Society (S4S)* yang turut selari dgn hasrat SDG.

Peningkatan nilai kepimpinan dalam kalangan pelajar di UiTMCP telah diperkukuhkan melalui penyemaian semangat patriotisme dan penerapan nilai-nilai ESI-iDART UiTM dalam diri mereka yang merupakan salah satu program di bawah inisiatif strategik *i-PROCOMM* yang disasarkan untuk merealisasikan PI029, PI031 dan PI038 yang dimanifestasikan melalui pelaksanaan 31 program dan aktiviti. Kepimpinan juga menjadi tumpuan dalam RMK12 iaitu memperkasa kumpulan sasar di mana usaha membimbing belia menjadi pemimpin masa hadapan seperti Felo Perdana dan Felo Korporat, Parlimen Belia Malaysia dan Skuad Majlis Belia Malaysia dalam Perniagaan (MiB 300) (L2-3b).

UiTMCP menyediakan pendidikan bertaraf dunia sejajar dengan SDG4 (*Quality Education*) di bawah *sasaran 4.7* dan selari dengan inisiatif 1 - Lonjakan 1 PPPM(PT) iaitu menambah baik pengalaman pembelajaran pelajar; meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan perkhidmatan untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21 (L2-3c). Graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global sejajar dengan SDG8 (*Decent Work and Economic Growth*) juga selari dengan Lonjakan 1 PPPM(PT) iaitu graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang di bawah inisiatif 3 iaitu mewujudkan peluang kepada pelajar dan staf akademik untuk menguasai kemahiran keusahawanan (L2-3d).

Mempertingkatkan penghayatan nilai dimanifestasikan melalui program pengukuhan sejajar dengan SDG5, yang selari dengan ciri-ciri kepimpinan di bawah aspirasi pelajar dalam PPPM(PT) iaitu komunikasi yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentas budaya; bertanggungjawab, berdaya saing, cekal dan yakin. BHEP UiTMCP telah menyahut saranan ini dengan menghasilkan Modul JERI yang merujuk kepada Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek dalam pembangunan dan pengurusan pelajar (L2-3e).

Proses penyampaian, perkongsian dan pelaksanaan inisiatif strategik dikalangan warga UiTMCP adalah teratur dan efisien. Matlamat dan inisiatif universiti diterjemahkan menjadi program dan aktiviti diperingkat UiTMCP, kebangsaan dan antarabangsa. Keberkesanan proses penyebarluasan inisiatif strategik dapat diukur berdasarkan hasil pelaksanaan inisiatif strategik yang telah direalisasikan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_P01_PB03_20241_L2-3a International Solar Project Community Malaysia- Thailand 2023 .pdf](#)
2. [K0017_P01_PB03_20242_L2-3b Ketua Pemimpin Pelajar di University of Manchester sebagai Exco Hubungan Antarabangsa dan Projek Khas .pdf](#)
3. [K0017_P01_PB03_20243_L2-3c Keselarian Pelan Strategik UiTMCP dengan SDG dan PPPM \(PT\) 2025.pdf](#)
4. [K0017_P01_PB03_20244_L2-3d Keselarian Pelan Strategik UiTMCP dengan SDG dan PPPM\(PT\)2025.pdf](#)
5. [K0017_P01_PB03_20245_L2-3e Pembangunan Model Pentaksiran Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek \(Jeri\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCP melaksanakan pemantauan yang sistematik secara berkala dan berperingkat bagi setiap PI, SAP, objektif dan pelaksanaan program dan aktiviti dalam merealisasikan setiap inisiatif strategik. Sistem **UePMO** diaplikasi bagi pelaporan pencapaian setiap PTJ di UiTMCP kepada BTU 4 kali setahun (**L2-4-1a**). Tahap pencapaian PTJ akan dinilai setiap 3 bulan untuk memastikan setiap PTJ melaksanakan inisiatif, program dan aktiviti yang telah dirancang dengan berkesan mengikut jalur masa yang digariskan (**L2-4-1d**). **Skorkad Pelaporan Objektif Kualiti (SKP-OK)** digunakan untuk pemantauan proses dan tahap pencapaian objektif kualiti oleh UPK dan dimana proses dan tahap pencapaian dianalisa 2 kali setahun melalui MKSP.

Pemantauan diperingkat BHEP menggunakan *e-Reporting, SmartHEP* untuk penilaian proses dan pencapaian PI kepada TNCHEP (L2-4-1b). **Tindakan penambahbaikan** di UiTMCP dipantau dan diselaraskan oleh Unit Pengurusan Kualiti (UPK) secara amnya. UPK melaksanakan pemantauan melalui proses audit dalam dan luaran. Pelaporan penemuan audit dilaporkan dalam MKSP bagi tujuan penambahbaikan dan pembetulan yang menjurus kepada kecemerlangan organisasi.

Manakala bagi pembangunan dan pengurusan pelajar dilaksanakan oleh BHEP dan BHEA akademik. Pelaksanaan program, aktiviti atau projek di bawah BHEP pula, dipantau oleh ketua-ketua unit menggunakan *Smart Integration Awareness Program (SIAP)* (**L2-4-1e**). Penambahbaikan berterusan dijalankan melalui retreat perancangan strategik di mana, pencapaian prestasi UiTMCP tahun sebelumnya dibincangkan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dan kaedah untuk menambah baik operasi dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan demi kecemerlangan bidang tumpuan.

Seterusnya, di peringkat bahagian pula, pihak pengurusan sentiasa memastikan aktiviti yang dilaksana akan dikemaskini dalam **semua operasi utama** di UiTMCP. Ini bagi memastikan semua operasi membuahkan hasil serta memberi impak kepada Universiti, Komuniti setempat dan Industri luar. Pemantauan proses dilaksanakan melalui pelaporan aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit Hal Ehwal Antarabangsa, MASMED dan BHEP (**L2-4-1c**). Maklumat tentang pelaksanaan program dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat AJK pelaksana sebelum dibentangkan dalam MPD.

Keberkesanan pemantauan inisiatif berkaitan bidang tumpuan yang dijalankan, diukur melalui pencapaian PI yang telah disasarkan. **Laporan pencapaian PI** dan pelaksanaan inisiatif strategik akan **dibentang dan dibincangkan dalam MPD**. Kaedah pemantauan sebegini membantu mengurangkan isu dari akar umbi. Perancangan strategik BHEP akan dinilai dan disemak semula oleh TR HEP sebagai Pengarah Projek bagi **setiap tiga bulan** untuk **memastikan inisiatif dijalankan dengan teratur seperti dirancang (L2-4-1d)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_P01_PB04_PC01_20241_L-2-4-1a Sistem UePMO_.pdf](#)
2. [K0017_P01_PB04_PC01_20242_L-2-4-1b Laman Sesawang UiSMS_.pdf](#)
3. [K0017_P01_PB04_PC01_20243_L-2-4-1c Mesyuarat AJK Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perak_.pdf](#)
4. [K0017_P01_PB04_PC01_20244_L-2-4-1d Pencapaian Suku Tahunan_.pdf](#)
5. [K0017_P01_PB04_PC01_20245_L2-4-1e Smart Integration Awareness Program \(SIAP\).pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko merupakan satu daripada enam faktor kejayaan kritikal yang menyumbang kepada kejayaan Perancangan Strategik. Jawatankuasa Pemilik Risiko ditubuhkan bagi memastikan segala risiko berkaitan aspek operasi utama BHEP UiTMCP dapat dikawal selia dengan berkesan (**L2-4-2a**). Jawatankuasa ini berperanan untuk membantu merealisasikan hasil kerja yang cekap dan efisien. Penilaian risiko bermula dari penetapan inisiatif strategik sehinggalah pelaksanaan projek. Setiap risiko dinilai dari segi impaknya kepada BHEP dan tiga kategori impak risiko telah dikenal pasti iaitu **pelaksanaan projek, risiko kewangan dan risiko pengurusan maklumat**.

Risiko pelaksanaan projek merangkumi **kertas kerja tidak lengkap, tidak menepati SOP yang betul, peruntukan dana yang terhad, dan kurang sambutan pelajar**. Impak daripada risiko ini menjejaskan pelaksanaan fizikal projek dan pencapaian petunjuk prestasi di peringkat strategik (**L2-4-2b**). Langkah mitigasi diambil oleh BHEP dengan **menyediakan senarai semak permohonan program dan aktiviti bagi memastikan kertas kerja yang dihantar lengkap, berkualiti dan memberi nilai tambah** kepada pencapaian Perancangan Strategik. (**L2-4-2d**). Program-program menggilap bakat kepimpinan pelajar harus diberi perhatian khusus beserta tatakelola yang baik bagi melahirkan pemimpin yang berkualiti dan terampil (**L2-4-2e**).

Risiko kewangan melibatkan **kelewatan dana** yang diterima dan boleh menjejaskan pelaksanaan program dan aktiviti. BHEP UiTMCP telah mengambil langkah proaktif dengan memberi **dana pendahuluan** bergantung kepada kedudukan kewangan semasa kampus dan tahap keperluan program tersebut serta **menjalinkan kerjasama dengan agensi luar**. Inisiatif ini bertindak **memindahkan risiko kewangan** bagi melestarikan keupayaan kewangan.

Risiko pengurusan maklumat melibatkan **pengurusan data yang tidak sistematik menyebabkan kurang pelaporan dalam laporan petunjuk prestasi serta isu kebocoran maklumat**. Pelan mitigasi dipraktikkan dengan **pemantauan yang lebih teliti dalam melaporkan pengurusan projek dan data dalam sistem UePMO** sebagai strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Sistem ini dipantau oleh **PSTU UiTMCP secara berterusan**.

Pengurusan risiko di UiTMCP dibahagi kepada **empat (4) tahap iaitu Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal**. Pengelasan ini ditentukan berdasarkan kemungkinan kejadian yang tidak diinginkan dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi. Pelan mitigasi dirancang dan dilaksanakan secara **menyeluruh** dalam menangani risiko. Risiko yang terlibat didaftar dalam Daftar Risiko HEP 2021 dan UePMO (**L2-4-2c**). Usaha penambahbaikan dilaksanakan melalui maklum balas pelanggan dan penemuan akan dilaporkan bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_P01_PB04_PC02_20241_L2-4-2a Sistem Pengurusan Risiko \(e-RMS\).pdf](#)
2. [K0017_P01_PB04_PC02_20242_L-2-2b 10 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 \(Pendidikan Tinggi\) \(PPPM\(PT\)\) .pdf](#)
3. [K0017_P01_PB04_PC02_20243_L-2-2c Buku Pelan Perancangan Strategik 2020-2025 .pdf](#)
4. [K0017_P01_PB04_PC02_20244_L-2-2d Objektif Kualiti UiTM Cawangan Perak 2023.pdf](#)
5. [K0017_P01_PB04_PC02_20245_L-2-2e KPI Peperiksaan Universiti.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan terhadap perancangan strategik oleh UiTMCP khususnya BHEA yang mengurus dan membangunkan pelajar diadakan setiap tahun walaupun pada dasarnya, BHEP telah berjaya merealisasikan kesemua PI dan inisiatif strategik yang diamanahkan dengan cemerlang kerana pencapaian yang jauh mengatasi sasaran. Bengkel Semak Semula Perancangan Strategik membincangkan pencapaian UiTMCP secara menyeluruh melibatkan kampus Seri Iskandar dan Kampus Tapah. Pencapaian prestasi strategi yang disemak semula membolehkan cadangan penambahbaikan dilakukan setelah menilai kekuatan, kekurangan, peluang dan juga risiko yang bakal dihadapi serta percambahan idea baru yang relevan dengan cabaran semasa untuk diterapkan dalam bidang tumpuan. **Segala kekurangan dan halangan dikenal pasti, dan penambahbaikan inisiatif strategik dioperasikan dalam BHEP UiTMCP (L2-4-3a).**

Oleh itu, kepimpinan BHEP UiTMCP sentiasa menyebarkan maklumat **kepada ketua-ketua bahagian dan unit** mengenai dapatan atau saranan yang diperolehi semasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat di peringkat universiti, bersama industri, kerajaan negeri dan agensi luar. **Delegasi tugas** ditentukan semasa mesyuarat, retreat bahagian mahupun unit dan kajian semula pertengahan tahun untuk tindakan pihak yang berkenaan.

Pada peringkat pelaksana dan pemantauan inisiatif dan Objektif Kualiti melibatkan bidang tumpuan, analisis proses berdasarkan ADLI serta data pencapaian secara sistematik adalah melalui SKPOK (L2-4-3b) yang dilaporkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan dijalankan dua kali setahun seperti yang dinyatakan dalam Manual Kualiti UiTMCP (L2-4-3c).

Manakala pengaplikasian **SIAP** (L2-4-3d) membolehkan penilaian proses dan hasil pelaksanaan program dan aktiviti dibuat secara efisien serta meningkatkan keupayaan Ketua Projek untuk memantau pelaksanaan setiap program atau aktiviti yang dirancang. **Penanda aras secara dalam talian** ini menjadi lebih cekap dan efisien kerana sifat kompetitif yang sentiasa menjadi tumpuan utama operasi. Selain itu, **pengurusan data** melalui SIAP dapat membantu mengurangkan isu kurang pelaporan (*under reporting*) dan setiap unit bertanggungjawab ke atas pencapaian unit masing-masing serta pencapaian prestasi BHEP UiTMCP keseluruhannya. Data dan maklumat pelaporan SIAP, akan dibentangkan di peringkat BHEP sebelum dipanjangkan kepada pihak BTU.

Selain itu, **pemantauan dan pelaksanaan projek** yang dilaporkan dalam SKPOK dan SIAP akan menyokong pelaporan dalam sistem UePMO. Dengan pengaplikasian sistem yang efektif, **Ketua Projek** akan sentiasa **memantau peratusan** melalui sistem secara berterusan dan efisien bagi memastikan proses berjalan lancar dan tindakan penambahbaikan secara berkala dapat dilakukan (L2-4-3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_P01_PB04_PC03_20241_L2-4-3a - Semakan Kajian Semula Pengurusan_.pdf](#)
2. [K0017_P01_PB04_PC03_20242_L2-4-3b Skorkad Pelaporan Objektif Kualiti \(SKPOK\).pdf](#)
3. [K0017_P01_PB04_PC03_20243_L2-4-3c Manual Kualiti UiTM Cawangan Perak.pdf](#)
4. [K0017_P01_PB04_PC03_20244_L2-4-3d Smart Integration Awareness Program \(SIAP\).pdf](#)
5. [K0017_P01_PB04_PC03_20245_L2-4-3e Program dan Aktiviti berkaitan Bidang Tumpuan_.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi yang merujuk kepada tahap pembudayaan yang terhasil dari penambahbaikan dan pelaksanaan perancangan strategik yang menjurus kepada bidang tumpuan telah direalisasikan di peringkat UiTMCP, negari, kebangsaan dan antarabangsa (L2-5a). Integrasi pertama terhasil dari proses pengantarabangsaan pelajar yang sejajar dengan sasaran menjadi sebuah *Globally Renowned University*. UiTMCP komited dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dengan kadar kebolehpasaran yang tinggi. **Saudari Nur Syahidaton Umairah**, telah **ditawarkan jawatan sebagai Junior Project Manager** di syarikat antarabangsa di London, **Ove Arup & Partners Ireland Ltd (ARUP)**.

Fokus BHEP terhadap aktiviti kepimpinan, telah melahirkan pemimpin muda yang berkaliber dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. **Saudara Taufiq Mohd Hassan** telah dilantik menjadi **ketua pemimpin pelajar di University of Manchester** sebagai **Exco Hubungan Antarabangsa dan Projek Khas**. Beliau juga telah dipilih sebagai *“Chairperson”* dalam Badan Perhubungan North West, United Kingdom (L2-5b).

Selain itu, UiTMCP telah menyokong pelajar untuk **menjalani latihan industri di luar negara**, antaranya di **PT Humanika Creatif Design di Bandung, Indonesia**. Hubungan kerjasama ini telah membuka peluang kepada UiTMCP untuk **menganjurkan International Degree Design Exchange 2023 (INDDX 2023)** dengan penyertaan daripada sembilan negara anggota serta 20 kolaborasi dari pelbagai organisasi. Melalui kerjasama ini juga, pelajar daripada program Perancangan Bandar dan Wilayah telah berpeluang menyertai **program mobiliti antarabangsa (outbound)** dan telah memenangi dua anugerah iaitu **The Best Report & Presentation dan The Best Participant di The International Summer Course Architecture (ISCA) 2023, Universitas Sumatera Utara, Medan Indonesia**.

Pembudayaan **pelaksanaan pelan strategik** yang **berkesan dan menyeluruh**, telah membantu UiTMCP meraih kejayaan yang signifikan dalam pembangunan pelajar, yang dibuktikan melalui penganugerahan **Anugerah Penganjuran Program Bermatlamatkan SDG** bagi kategori **UiTM Cawangan** sempena *Meeting of Student Affairs Administrator (MoSAA)* (L2-4c).

Selain itu, UiTMCP telah melaksanakan SAP yang berkesan dalam membangunkan pelajar yang **berdaya saing** dan **kreatif** melalui pelbagai aktiviti berteraskan kebudayaan, kesenian, dan **kesukanan** (L2-5d). Dalam industri **e-sport**, pasukan E-Sport PUBG UiTMCP telah menjuarai **Pertandingan Piala Menteri Besar Perak 2023** yang merupakan **pertandingan peringkat antarabangsa** dengan penyertaan dari negara-negara luar seperti **Indonesia, Brunei, dan Vietnam**. Kejayaan ini telah melayakkan mereka **mewakili Negeri Perak** dalam acara **SUKMA 2024**. Pasukan tersebut telah dianugerahkan **Anugerah Khas Rektor** bagi kategori sukan, lantas menonjolkan lagi **keberkesanan SAP UiTMCP** dalam mengangkat **potensi pelajar** ke tahap yang lebih **tinggi**.

Pembudayaan pelaksanaan inisiatif strategik meletakkan kedudukan UiTMCP sebagai **institusi terkemuka** dalam pengurusan dan pembangunan pelajar di peringkat **nasional** dan **antarabangsa**. Dalam membangunkan pelajar secara holistik, pelaksanaan program **kesukarelawan telah diketengahkan. International Solar Project Community Malaysia-Thailand 2023**, telah diiktiraf oleh **Datuk Bandar Betong dan Timbalan Datuk Bandar**, sebagai **sumbangan** berharga terhadap **komuniti tempatan**.

Peningkatan nilai **kepimpinan** dalam kalangan pelajar di UiTMCP telah diperkukuhkan melalui penyemaian semangat **patriotisme** dan penerapan nilai-nilai **ESI-iDART UiTM** dalam diri mereka. Dua orang pelajar telah dilantik sebagai **Ahli Dewan Belia Negeri Perak** bagi sesi 2023/2024. Selain itu, Ummii Aleeya Mohd Jafni, kini memegang jawatan **Setiausaha Dewan Muda Johor** dan **Setiausaha Duta Perpaduan Johor Dewan (L2-5e)**. Ketampakan dan pengiktirafan terhadap pelajar-pelajar ini mencerminkan **keberkesanan pembudayaan pelan strategik** UiTMCP, seiring dengan **Amanat Naib Canselor 2023** untuk melahirkan *“super graduate”* yang lebih **kompetitif** di masa hadapan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_P01_PB05_20241_L2-5a Pelan Integrasi Pencapaian Perkhidmatan_.pdf](#)
2. [K0017_P01_PB05_20242_L2-5b Global Competence Global Marketable_.pdf](#)
3. [K0017_P01_PB05_20243_L2-5c Program bermatlamatkan SDG_.pdf](#)
4. [K0017_P01_PB05_20244_L2-5d Pemindahan Ilmu Berterusan Pelajar- Komuniti Setempat dan Sukan_.pdf](#)
5. [K0017_P01_PB05_20245_L2-5e Model Kepimpinan PLASMA.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCP sentiasa menjadikan pelanggan sebagai pihak berkepentingan utama yang dijadikan penanda aras utama keberhasilan operasi dan kelestarian fungsi institusi. Selaras dengan agenda tumpuan pelanggan, UiTMCP sentiasa meletakkan kepentingan penglibatan pelanggan sebagai keutamaan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan setiap perancangan. Pelanggan UiTMCP mencakupi pelajar, staf akademik dan bukan akademik serta pihak luar termasuk komuniti dan rakan strategik. Manakala, Pelan Tindakan Strategik dan Objektif Kualiti UiTMCP juga sentiasa mengutamakan petunjuk prestasi kepuasan pelanggan. Berpandukan GRU 2025 dan *UiTM 2025 Strategic Plan*, UiTMCP sentiasa komited merancang, melaksana, memantau serta menambahbaik perkhidmatan supaya sentiasa kekal relevan dengan kualiti perkhidmatan berimpak tinggi kepada pelanggan utama.

Pada tahun 2023, UiTMCP **merancang** untuk menambah baik sistem pengurusan dan pembangunan pelajar yang merupakan elemen penting dalam pembentukan modal insan yang berdaya saing dan kompeten menghadapi arus perkembangan kehidupan dan mampu memenuhi keperluan terkini di universiti, industri dan pasaran pekerjaan serta negara. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah bertindak sebagai *One Stop Centre* yang memusatkan semua pengurusan pelan tindakan dan pembangunan pelajar yang berpaksikan dua fokus utama iaitu **Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar dan Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar**. Bengkel Perancangan Strategik pada 2023 bertemakan SAP 2023: Globally Marketable, BHEP, membina sinergi baru untuk merangka perancangan untuk membina model pelajar yang memenuhi kehendak SAP 2023.

Pengurusan dan Pembangunan pelajar banyak membantu UiTMCP merealisasikan agenda "Universiti Terkemuka Dunia 2025" (GRU 2025). UiTMCP **melaksanakan** dan membudayakan usaha untuk mencapai kepuasan pelanggan **membuktikan keterlibatan pelajar dan staf, komuniti dan rakan strategik** melalui pelbagai program dan aktiviti pembangunan pelajar. **Elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan** dalam ketetapan 15 SAP juga ditekankan dalam setiap inisiatif yang diusahakan bagi meningkatkan kompetensi global UiTMCP. Dengan kekuatan Model Tumpuan Pelanggan, UiTMCP berjaya menjalankan aktiviti libatsama pelbagai pelanggan, dengan membina, menjalin, dan mengekalkan hubungan yang baik dengan mereka bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan serta mendapatkan maklum balas pelanggan dalam bentuk aduan, komen atau cadangan daripada setiap program. Justeru, langkah penambahbaikan dapat dijalankan dengan segera. Data kepuasan pelanggan bagi setiap program disimpan dan boleh diakses dari Unit Korporat.

Model PDCA dijadikan teras kepada setiap perancangan yang dijalankan agar ianya dilaksanakan secara sistematik dan efektif untuk mencapai matlamat demi mengutamakan kepuasan dan kesejahteraan pelanggan. Langkah **pemantauan** berkala terhadap maklum balas pelanggan dianalisis bagi membolehkan **pengurusan risiko dibuat serta tindakan pencegahan yang sewajarnya diambil** untuk memperbaiki perkhidmatan serta memastikan keperluan setiap pelanggan dipenuhi. Langkah ini sentiasa menjadi keutamaan UiTMCP sehingga dijadikan agenda di dalam pelbagai peringkat mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Pendekatan inovatif UiTMCP, seperti Sistem Aduan Foodcourt (SAF) membolehkan maklum balas pelanggan dipantau dan tindakan segera diambil. UiTMCP berjaya merancang pengurusan risiko secara sistematik yang turut menyumbang kepada kejayaan bidang tumpuan. Amalan ini membantu pengurusan UiTMCP dalam mengkaji semula, dan menaik taraf usaha ke arah kepimpinan dan pembangunan pelajar serta **menambah baik** perkhidmatan dan kemudahan fasiliti secara efektif dan efisien sejajar dengan matlamat GRU 2025, seterusnya melahirkan graduan tangkas yang berketerampilan serta berkebolehan holistik. Tumpuan kepada pelanggan yang dilaksanakan oleh UiTMCP telah membuahkan hasil dengan wujudnya keterlibatan pelanggan hingga ke peringkat antarabangsa.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCP mengkategorikan **pelanggan utama** kepada dua iaitu warga UiTMCP (pelajar, staf akademik dan bukan akademik), dan warga luar UiTMCP iaitu komuniti, rakan strategik, NGO, industri, alumni, badan professional serta pihak kerajaan dan swasta. BHEP merangka pelan tindakan dengan fokus kepada **pengurusan dan pembangunan pelajar**. Setiap perancangan perlu selari dengan PS UiTMCP 2021-2025, PS BHEP 2021-2025, *UiTM 2025 Strategic Plan* serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015 – 2025 (**L3-2a**).

Pelajar merupakan kumpulan sasar utama bidang tumpuan. Kecemerlangan pelajar menjadi tonggak kecemerlangan universiti. Justeru, inovasi **Student Profile** membolehkan BHEP mengenal pasti bakat pelajar meliputi akademik, kepimpinan, sukan, kebudayaan dan keusahawanan agar potensi dapat diperkasa. Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) menerusi **Projek International Professional Communication and Collaboration (i-PROCOMM)** berusaha memantapkan kefahaman pemimpin pelajar berkaitan isu-isu kepimpinan, memupuk semangat patriotisme dan menerapkan nilai-nilai ESI-IDART UiTM melalui jaringan kerjasama melibatkan MPP, pemimpin persatuan dan JPK bersama **pemimpin pelajar luar negara (L3-2b)**.

Berpandukan Modul Kepimpinan Pelajar serta Kerangka Pengukuhan Bakat Pelajar (PLASMA), potensi pelajar digilap bagi menghasilkan pemimpin berkredibiliti tinggi dan terampil. Prakarsa **program mentor-mentee, program motivasi serta program bersama badan profesional** diperkasa dengan bimbingan akademik berterusan oleh para pensyarah. **Persidangan Kongres Mahasiswa, (L3-2c)** menjadi *platform inovatif* pelajar UiTMCP menyuarakan masalah dan membahaskan isu berbangkit bagi mencari solusi tuntas agar kebajikan pelajar dipelihara. Kualiti pengalaman ini memberi nilai tambah memperkukuh sifat jati diri, berwawasan dan berdaya saing dalam kalangan pimpinan pelajar sehingga **terpilih menjadi pemimpin masyarakat**.

Pendekatan melalui **galakan pemerkasaan sukan**, penyediaan latihan dan pertandingan melalui bimbingan Unit Sukan, UiTMCP telah merangkul pelbagai kejuaraan di peringkat **kebangsaan dan antarabangsa** dalam kejohanan **Sukan SEA dan Sukan Asia**. Kejayaan ini menepati Perkara 8 Dasar Sukan Negara dan membantu pencapaian Objektif Sukan IPT. Unit ko-kurikulum UiTMCP telah mewujudkan libatsama staf, dan para pelajar dalam pelbagai aktiviti SULAM menerusi **jalinan kerjasama dengan rakan strategik tempatan dan antarabangsa**. **Inovasi kolaboratif pelajar merentasi negara** membawa UiTMCP ke persada global dalam memacu pelajar menjadi agen pemindahan ilmu (KTP) serta pemimpin dengan kemahiran insaniah yang mampu menyelesaikan masalah komuniti menggunakan pengetahuan dan kemahiran (**L3-2d**). Program-program ini telah memenuhi PI 027 dan PI 028 bertepatan dengan elemen SDG.

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan kemudahan UiTMCP sentiasa berada di tahap yang cemerlang demi kesejahteraan pelajar, UKK dengan kerjasama UK menjalankan **Langkah Intervensi Kesihatan Mental (L3-2e)** bagi menangani isu stigma kesihatan mental. UiTMCP **mendahului kampus lain** menerusi **Persatuan Badan Peers & Kaunseling Peers (PEERS)** yang aktif. **Inovasi yang ditonjolkan** menjadikan UiTMCP sebagai **penanda aras** oleh kampus lain. Inisiatif PPK melalui Program *Career Meet With Industry 2.0* pula merupakan **inovasi kerjasama pintar** antara UKK dengan rakan strategik industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Selain itu, **inovasi UK** melalui **Proper Ear Toilet Under Microscope** menjadikan UiTMCP kampus tunggal yang menyediakan perkhidmatan tambahan tersebut kepada pelajar.

Penilaian keberkesanan perkhidmatan dinilai menerusi *survey* oleh setiap bahagian seperti BPF, Perpustakaan (PTAR), BHEA dan BHEP. Manakala pensyarah dinilai melalui SuFO serta PROPENS. Tahap kegembiraan staf diukur melalui kaji selidik UiTM Happiness Index 4.0. Pengukuran ini menggambarkan tahap keberkesanan sesuatu perkhidmatan dan membolehkan langkah penambahbaikan berterusan dibuat.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_T01_TB02_20241_L3-2a-Jadual 1 Pemetaan Objektif Strategik Dengan Fokus Utama Bidang Tumpuan .pdf](#)
2. [K0017_T01_TB02_20242_L3-2b International Profesional Communication -iPROCOMM .pdf](#)
3. [K0017_T01_TB02_20243_L3-2c-Pelbagai Kecemerlangan Pelajar .pdf](#)
4. [K0017_T01_TB02_20244_L3-2d-Sulam - International Solar Project Community 2023 .pdf](#)
5. [K0017_T01_TB02_20245_L3-2e-UKK & UK-Kesejahteraan Pelajar .pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam mencapai objektif pemetaan strategik yang berfokuskan kepada bidang tumpuan serta keperluan pelanggan, UiTMCP telah melaksanakan pelbagai inisiatif serta menitikberatkan maklum balas daripada kumpulan sasaran (KS), khususnya pelajar, bagi memastikan keperluan dan kehendak para pelajar dipenuhi. Antaranya adalah proses penambahbaikan berterusan yang dijalankan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTMCP. Menerusi **program Minggu Destinasi Siswa (MDS), maklum balas pelajar baharu diperoleh dan direkodkan menggunakan Google Form dan Google Drive untuk dianalisis dan digunakan oleh BHEP.** Dengan ini, BHEP dapat menyesuaikan program pembangunan pelajar untuk memenuhi keperluan pelajar. Selain itu, BHEP juga **menggunakan platform digital seperti Telegram, WhatsApp, dan MPP i-CENTRE untuk menyampaikan maklumat penting kepada pelajar dengan lebih efektif (L3-3a).**

Bagi pelajar sedia ada, beberapa saluran dapat digunakan bagi mengakses maklumat berkaitan akademik dan penasihat akademik antaranya sistem SIMS. Sistem ini memastikan pelajar dapat memperoleh maklumat yang diperlukan dengan mudah dan pantas, seterusnya membantu dalam perjalanan akademik. Sistem eRES juga digunakan untuk memudahkan akses kepada maklumat pemarkahan, manakala UFuture menyediakan bahan pembelajaran yang diperlukan bagi tujuan PdP. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh sokongan akademik kepada pelajar malah **memastikan pelajar mempunyai akses kepada semua maklumat yang relevan untuk mencapai kecemerlangan akademik (L3-3b).**

UiTMCP turut memberi penekanan kepada kualiti pengajaran dan penyampaian oleh pensyarah. Melalui sistem MyATP, setiap pensyarah dikehendaki merancang tugas dan sasaran tahunan, yang kemudian digunakan untuk menilai prestasi tahunan. Ini memastikan pensyarah sentiasa berada dalam kedudukan untuk memperbaiki kualiti pengajaran, seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Di mana, semua penerbitan akademik yang dihasilkan oleh pensyarah direkodkan dalam sistem PRIME. Ia berfungsi sebagai alat pengukur penting dalam menilai sumbangan pensyarah terhadap ilmu pengetahuan serta memberikan pengiktirafan kepada sumbangan ilmiah mereka **(L3-3c).**

Selain daripada itu, **UiTMCP juga mengambil langkah untuk memperkukuh hubungan dengan industri** bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan yang relevan dengan keperluan pasaran. BHEA telah berusaha untuk mendapatkan maklum balas daripada majikan berkenaan pencapaian pelajar semasa latihan industri (LI). Ia penting dalam meningkatkan komunikasi antara pihak pengurusan UiTMCP dan industri, selain membantu meningkatkan kualiti pelajar pada masa hadapan. UiTMCP turut mengadakan kerjasama dengan pelbagai industri melalui perjanjian persefahaman (MOU/MOA), yang membuka peluang keterlibatan pelajar dalam program seperti USR/CSR, sukarelawan, dan perkongsian ilmu. Program seperti ***Perak International Convention on Creative Industry (PICCI) 2023*** yang melibatkan lebih daripada 50 agensi serta penandatanganan 10 MOU bersama UiTMCP merupakan contoh usaha yang diambil untuk memperkukuh kolaborasi ini **(L3-3d).**

Keterlibatan mahasiswa dengan industri luar turut diambil kira dengan adanya **program-program Knowledge Transfer Program (KTP) yang melibatkan pakar bidang dan industri bersama komuniti dari dalam dan luar negara.** Melalui program seperti ***International Professional Communication and Collaboration (iPROCOMM)*** yang **dijalankan di Universitas Widyatama, Bandung Indonesia,** pelajar UiTMCP diberi peluang untuk membina jaringan dan kerjasama strategik di peringkat global. Usaha ini sejajar dengan Pelan Strategik Perancangan (PPS) UiTM 2023 yang bertemakan "Globally Marketable," di mana UiTMCP berhasrat untuk melahirkan graduan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Semua inisiatif ini mencerminkan komitmen UiTMCP dalam memperluaskan tumpuan pelanggan melalui hubungan strategik dengan industri dan penyediaan pelajar yang cemerlang dan kompeten **(L3-3e).**

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_T01_TB03_20241_L3-3a Maklum Balas serta Aplikasi penyampaian Maklumat kepada Pelajar UiTM CP .pdf](#)
2. [K0017_T01_TB03_20242_L3-3b Sistem keperluan Akademik Pelajar .pdf](#)
3. [K0017_T01_TB03_20243_L3-3c Kualiti Penyampaian & Penyelidikan Pensyarah .pdf](#)
4. [K0017_T01_TB03_20244_L3-3d Usaha serta Kolaborasi bersama Industri Luar .pdf](#)
5. [K0017_T01_TB03_20245_L3-3e Knowledge Transfer Program \(KTP\) bersama Pakar Bidang dan Industri Luar .pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Maklum balas, cadangan dan aduan yang diterima dikenalpasti menerusi **sistem pemantauan berkala dan berterusan** bagi memastikan keperluan pelanggan UiTMCP sentiasa dipenuhi. Pemantauan dilaksanakan **melalui pelbagai kaedah** berkesan termasuk mekanisme mesyuarat MPE, MPD, MKSP serta Mesyuarat Kolej Pengajian/Fakulti/Bahagian/Unit **(L3-4-1a)**. Pemantauan ini bagi **memastikan kualiti dan keberhasilan** setiap projek yang telah dirancang mengikut keperluan PI universiti bagi mengenal pasti langkah mitigasi untuk **tindakan penambahbaikan berterusan**.

Pemantauan berterusan turut dilaksanakan melalui **Daftar Risiko UiTMCP (eRMS)** mencakupi risiko berkaitan pelajar, akademik, kesihatan, keselamatan, kemudahan/infrastruktur dan kewangan. Proses ini **memberi kebaikan UiTMCP mengenal pasti kelemahan dan kelebihan dalam pengurusan pelajar, seterusnya mengoptimumkan penggunaan sumber**, seperti tenaga pengajar dan fasiliti universiti. Pemantauan rapi ini turut **menjadi alat pengawalan dan penyelesaian masalah** melalui pengenalpastian masalah dalam pengurusan pelajar pada peringkat awal, seterusnya membolehkan tindakan pantas diambil untuk menyelesaikan masalah sebelum menjadi parah.

Bagi tujuan pemantauan kepuasan pelanggan dari aspek pengajaran dan pembelajaran, data dikumpulkan melalui **EES, SHI, SLEQ, TESA, PROPENS, TEX dan SuFO**. Ia menjadi kayu ukur pencapaian bagi **mempertingkatkan prestasi dan kualiti graduan dan seterusnya melahirkan graduan yang berkualiti, kompeten, dan bersedia kalis menghadapi cabaran dalam pasaran kerja**. Pemantauan rapi ini **turut meningkatkan reputasi UiTM** sebagai institusi pendidikan yang unggul, menarik minat pelajar dan kerjasama dengan pihak industri di peringkat nasional dan antarabangsa **(L3-4-1b)**.

Bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan, pemantauan diperkasakan melalui Semakan Kurikulum dan Akreditasi. Dengan pemantauan berterusan dan berkala, UiTMCP dapat memastikan kurikulum program dan program pembangunan pelajar sentiasa relevan, berkualiti tinggi, dan memenuhi keperluan pelajar serta pasaran kerja. **Malah pemantauan ini turut menjamin pematuhan terhadap piawaian dan akreditasi** termasuk keperluan COPPA dan badan-badan profesional untuk mengekalkan status dan pengiktirafan universiti **(L3-4-1c)**.

Pemantauan berterusan terhadap aktiviti pelajar melalui wadah Mesyuarat Ketua Unit BHEP, MPP dan Borang Maklum Balas Pelanggan/Borang Penilaian Program memantapkan pembangunan kemahiran insaniah (L3-4-1d). Pemantauan program pembangunan pelajar yang menyeluruh membantu **mengukur kemahiran insaniah** seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerja berpasukan, yang penting untuk kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan. Pemantauan berterusan dilaksanakan agar pembaikan dapat dibuat. Ini menjamin agar **pelajar lebih berpuas hati dengan pengalaman mereka di UiTMCP**, dan seterusnya **meningkatkan tahap kesetiaan dan penglibatan pelajar**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_T01_TB04_TC01_20241_L3-4-1a- Pelaporan Berkala dalam MPE, MPD, MKSP & JAN .pdf](#)
2. [K0017_T01_TB04_TC01_20242_L3-4-1b- Pelaporan Berkala, Staff Index Happiness, Surat Jemputan .pdf](#)
3. [K0017_T01_TB04_TC01_20243_L3-4-1c- Pelan Tindakan dan Garis Masa Semakan Kurikulum dan Akreditasi .pdf](#)
4. [K0017_T01_TB04_TC01_20244_L3-4-1d- Proses Pemantauan Berterusan Aktiviti Pelajar .pdf](#)

5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sasaran pencapaian pengurusan pelanggan dipetakan di dalam SAP BHEP 2023. Sasaran pencapaian ini mengandungi risiko yang berpotensi menjadi halangan kepada keberhasilan program. Unit Komunikasi Korporat sebagai pusat tanggungjawab yang mengurus dan menyelia aduan akan mengawalselia risiko melalui sistem **Daftar Risiko UiTMCP** yang meliputi keterangan risiko dan tahap risiko bagi tujuan penambahbaikan dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa (**L3-4-2a**). Antara kategori risiko yang dikenal pasti adalah **risiko strategik, operasi, reputasi dan kewangan**.

Risiko strategik merujuk kepada sistem pengurusan pengumpulan data pelaporan aktiviti di bawah tanggungjawab BHEP yang tidak konsisten dan tidak menyeluruh. Ini menyebabkan penambahbaikan pada setiap program tidak dapat dilaksanakan dan menjadi halangan kepada universiti untuk mencapai objektif yang disasarkan. **Risiko operasi** pula merujuk kepada keperluan fasiliti dan kemudahan universiti yang tidak mengikut piawai semasa, rosak, uzur ataupun hilang, kesan salah kegunaan atau vandalisme, ketidakpatuhan penggunaan serta akibat dari faktor luar kawal lain yang berlaku. **Risiko reputasi** pula terkait dengan perihal pelajar secara langsung atau tidak langsung seperti keselamatan pelajar, kesihatan mental dan fizikal, serta isu-isu berbangkit yang tular melalui pelbagai medium fizikal atau atas talian. Manakala **risiko kewangan** adalah merujuk kepada isu-isu dan kekangan kewangan yang dikenalpasti semasa hendak merancang dan melaksanakan program.

Di UiTMCP, tanggungjawab mengenal pasti masalah dan kelemahan yang berlaku dikoordinasi bersama dengan unit-unit di bawah BHEP serta unit-unit lain di UiTMCP melalui eRMS dan juga melalui rujukan panduan sedia ada seperti **Manual Pengurusan Aktiviti Pelajar, Manual Pengurusan Staf Residen Kolej, Prosedur Tetap Operasi dan SOP Aktiviti Sukan (L3-4-2b)**. Hebahan bagi tujuan pengenalanpastian dan penyenaaran risiko serta strategi penambahbaikan dan tindakan pembetulan ini dibuat melalui sesi taklimat, mesyuarat di peringkat universiti dan juga melalui medium atas talian seperti email dan aplikasi komunikasi seperti di *Facebook, Youtube* atau *Whatsapp (L3-4-3c)*. Di peringkat pelajar pula, MPP telah memperkemas saluran penyampaian dan tindakan supaya lebih efektif dan tuntas dengan melancarkan **MPP i-Centre** yang boleh diakses melalui laman sesawang dan dipelbagaikan melalui medium media sosial yang lain (**L3-4-3d**). Penglibatan menyeluruh dari peringkat pengurusan dan pelajar dalam menguruskan risiko-risiko ini memberikan impak yang positif dalam mengenal pasti kelemahan dan halangan yang boleh menjejaskan operasi menzahirkan objektif serta sasaran UiTMCP.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_T01_TB04_TC02_20241_L3-4-2a- Daftar Risiko BHEP UiTMCP_.pdf](#)
2. [K0017_T01_TB04_TC02_20242_L3-4-2b- Manual Pengurusan Unit BHEP_.pdf](#)
3. [K0017_T01_TB04_TC02_20243_L3-4-2c- Penglibatan Staf dan Pelajar dalam Pengurusan Risiko_.pdf](#)
4. [K0017_T01_TB04_TC02_20244_L3-4-2d- Inisiatif MPP i-Centre_.pdf](#)
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP komited dalam melaksanakan inisiatif strategi yang dirancang bagi **memenuhi keperluan** dan jangkaan seperti yang telah dipetakan dalam SAP HEP 2023. Ini adalah penting untuk memastikan kepuasan pelanggan dalam keadaan yang optimum dan peningkatan kualiti perkhidmatan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Segala rekod aduan dan maklum balas pelanggan dianalisa secara berkala. Begitu juga dengan **penilaian prestasi** dari setiap unit/bahagian akan dipantau bagi tujuan penambahbaikan dan menepati inisiatif yang telah dirancang (**L3-4-3a**). Timbalan Rektor HEP (TRHEP) bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaian KPI bahagian serta pelan intervensi yang perlu dilakukan supaya selari dengan sasaran dua teras BHEP iaitu kepimpinan dan pembangunan pelajar (KPP) serta penyampaian perkhidmatan dan kemudahan pelajar (**L3-4-3b**).

UiTMCP menerima maklumbalas dan aduan pelanggan melalui beberapa saluran digital seperti **e-Aduan**, serta **penggunaan borang digital maklumbalas** yang akan diedar selepas program berlangsung. **Penggunaan kod QR** di semua kaunter perkhidmatan di unit BHEP juga adalah antara inisiatif bagi memperoleh maklum balas pelanggan dan memudahkan capaian serta menjadikan **pengurusan rekod lebih bersistematik (L3-4-3c)**. Segala data pelaporan diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat dan dikumpul melalui inisiatif laporan daftar pelanggan, laporan soal selidik kepuasan pelanggan melalui perkhidmatan secara dalam talian serta laporan maklum balas tahap kepuasan pelanggan. Segala maklum balas dan aduan yang diperoleh akan diteliti untuk dianalisa melalui beberapa kaedah dan dibentangkan dalam MKSP sebanyak dua kali setahun agar langkah bersesuaian dapat dilaksanakan. Hasil dari maklum balas berkaitan BT menunjukkan tahap kepuasan pelanggan yang baik. Purata skor penilaian pelanggan yang diterima BHEP bagi setiap tindakan ke atas aduan yang diterima dalam tempoh 3 hari adalah melebihi skala 4 daripada 5 markah (**L3-4-3d**).

Pengurusan UiTMCP sentiasa peka serta memantau proses pengajaran dan pembelajaran agar sentiasa berada pada tahap optimum dan memenuhi jangkaan dan kehendak pelanggan. **Pelaksanaan siri penilaian berkala** dan inisiatif dokongan lain yang diterapkan bagi tujuan kesejahteraan pelanggan turut menyumbang kepada peningkatan kualiti pengurusan dan pembangunan pelajar melalui pembentangan data pelaporan di dalam mesyuarat jawatankuasa terlibat dan tindakan penganalisaan dibuat bagi tujuan penambahbaikan dan kepuasan hati pelanggan (**L3-4-3e**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_T01_TB04_TC03_20241_L3-4-3a- Bengkel Perancangan Strategik UiTMCP .pdf](#)
2. [K0017_T01_TB04_TC03_20242_L3-4-3b- KPI BHEP UiTM Cawangan Perak .pdf](#)
3. [K0017_T01_TB04_TC03_20243_L3-4-3c- Penggunaan Kod QR di BHEP UiTMCP .pdf](#)
4. [K0017_T01_TB04_TC03_20244_L3-4-3d- Analisa Maklumbalas Pelanggan BHEP UiTMCP .pdf](#)
5. [K0017_T01_TB04_TC03_20245_L3-4-3e- Laporan Minit Mesyuarat JAN UiTMCP dan Pekeliling TNCA .pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil pemantauan dan kajian semula terhadap pelanggan UiTMCP, menunjukkan kemajuan yang signifikan ke arah inovasi digital. Ini selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri Perak untuk membudayakan digitalisasi dalam organisasi, sebagaimana yang didokumenkan dalam Pelan Strategik Pendigitalan 2022-2025. Melalui pendekatan, perluasan, dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh UiTMCP, **integrasi telah dicapai melalui amalan dan pembudayaan**. Malah, saluran dan kaedah komunikasi sentiasa ditambah baik sejajar dengan perkembangan teknologi IR 4.0. Dengan itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi menyokong usaha tersebut. Antaranya, UiTMCP berjaya menganjurkan **The 12th International Innovation and Invention Design Competition (INDES) 2023** bagi **menggalakkan penglibatan bakat-bakat baharu dalam bidang inovasi dan digitalisasi (L3-5a)**.

Bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar, *Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED)* UiTMCP telah menganjurkan **PRIDE (Product Idea Innovation) Showcase Competition 2023**. Pertandingan melibatkan 211 orang pelajar ini merupakan suatu platform kepada pelajar untuk membentangkan idea-idea inovatif dan projek yang berpontesi tinggi untuk pengkomersilan di samping menggilap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar. Selain itu, **Bengkel Komunikasi Profesional, Keusahawanan & Kompetensi, program dengan kerjasama Shaheed Zulfikar Ali Bhutto Institute of Science and Technology (SZABIST), Pakistan** dilaksanakan sebagai inisiatif strategik UKP, bagi melatih bakat keusahawanan, komunikasi serta kepimpinan pelajar. Inisiatif kolaborasi dan jaringan industri ini telah menjayakan SAP HEP 2020 - 2025 **(L3-5b)**.

Program pembangunan modal insan melalui **aktiviti kesukarelawanan**, seperti **International Solar Project Community 2023** di Thailand telah dilaksanakan bagi memperkasa program pemindahan ilmu dan teknologi di peringkat antarabangsa dengan kolaborasi industri dan komuniti seiring dengan teras SDGs. Malah, Program Khidmat Pendidikan Orang Asli giat dijalankan oleh pelajar UiTMCP sebagai suatu medium mendidik pelajar menjadi individu berilmu dan matang dengan kepedulian sosial **(L3-5c)**.

BHEP UiTMCP juga proaktif dalam melaksanakan **program outbound** sebagai usaha pembentukan pembentukan karakter, keterampilan sosial serta pengembangan diri pelajar menerusi program **The International Summer Course Architecture (ISCA) 2023 yang dianjurkan bersama Universitas Sumatera Utara (USU), Medan, Indonesia**. Program ini disertai oleh pelajar-pelajar Jabatan Alam Bina dan Teknologi (JBAT) yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang alam bina serta dan memperkaya kemahiran komunikasi sosial pelajar. Bakat kepimpinan pelajar dibuktikan dengan pemilihan 2 orang pelajar sebagai **Adun Belia Negeri Perak 2023/2024 Bahagian Dun Chenderiang dan Dun Belanja serta seorang pelajar telah dipilih sebagai Setiausaha Dewan Muda Johor**. Penglibatan dalam kepimpinan belia telah memberi manfaat kepada semua pelajar melalui projek-projek usaha sama dengan Kerajaan Negeri Perak **(L3-5d)**.

BHEP mengambil inisiatif menambahbaik perkhidmatan dengan menyediakan saluran maklumbalas daripada pengguna. Penambahbaikan terhadap kualiti perkhidmatan pelajar melalui inisiatif inovasi **Sistem Aduan Foodcourt (SAF)** digunakan dalam pengurusan dewan makan dan dobi layan diri di semua premis di bawah kawalselia JK Ruang Niaga. Maklum balas dan aduan pelajar yang diterima akan disemak, diperiksa, dan ditangani dengan segera. **UiTMCP bertindak optimis dengan memperkasakan peranan pelajar menerusi penubuhan Kelab Peers, PROSIS dan INSPIRASI dalam usaha meningkatkan kesejahteraan pelajar**. Penubuhan kelab pelajar ini berperanan untuk membimbing rakan sebaya dengan pengayaan asas kemahiran mendengar, menolong, kaunseling dan komunikasi. Inisiatif ini dapat **memberikan intervensi awal, mengurangkan tekanan dan kebimbangan, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih sihat dan produktif** serta meningkatkan tumpuan terhadap pembelajaran dan kecemerlangan bakat **(L3-5e)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_T01_TB05_20241_L3-5a Penglibatan Bakat Baharu dalam Bidang Inovasi dan Digitalisasi_.pdf](#)
2. [K0017_T01_TB05_20242_L3-5b- Program kemahiran dan KeusahawananPelajar UiTMCP_.pdf](#)
3. [K0017_T01_TB05_20243_L3-5c- Program Pembangunan Modal Insan melalui Aktiviti Kesukarelawanan_.pdf](#)
4. [K0017_T01_TB05_20244_L3-5d Program Outbound bersama BHEP UiTMCP_.pdf](#)
5. [K0017_T01_TB05_20245_L3-5e Penambahbaikan Kualiti Perkhidmatan Pelajar_.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Blueprint UiTM2025, Pelan Tindakan Strategik (SAP) serta Petunjuk Prestasi (PI) berserta sasarannya menjadi rangka kerja utama di peringkat UiTMCP untuk menyelaras ukuran prestasi. Kaedah penjajaran dan pengagihan (sasaran PI) bersasar diguna pakai dalam proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, untuk keselarasan sistem/operasi yang mengarah kepada *desired outcomes* yang sama. Tahun 2023, *desired outcomes* (melalui SAP dan PI) adalah mengangkat UiTMCP dan enam *pillars* (termasuk bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar) menjadi *globally marketable*.

lanya diukur secara langsung melalui prestasi PI. Tiga peringkat pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dilaksanakan, iaitu **Peringkat UiTMCP, Peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)**, dan **Peringkat Pelaksana Utama (PU)**. Ini untuk menghasilkan bentuk pengukuran dan analisis yang berupaya meningkatkan prestasi dan menguruskan pengetahuan bagi memacu inovasi dan pembuatan keputusan berasaskan perancangan berfakta (**plan**). Data pencapaian PI, khususnya, diurus dan dimuatnaik oleh PTJ diamanahkan (BHEA, PJIM&A, BHEP, Bahagian Bendahari, Bahagian Pentadbiran, dan BPF) ke dalam sistem Pengarah Peneraju. Seterusnya dilaporkan oleh Peneraju menggunakan platform UePMO (setiap bulan) sebagai alat pemantauan menyeluruh. Sekaligus membimbing UiTMCP ke arah pencapaian PI I-UiTM (termasuk Objektif Kualiti UiTMCP), menjangka dan bertindak balas terhadap perubahan luaran tidak dijangka, dan mengenal pasti amalan terbaik dalaman dan luaran sebagai salah satu mekanisme pemantauan, penambahbaikan berterusan dan inovasi. UePMO (platform data PI) dan juga UISMS (platform data SAP) berfungsi sebagai sistem pengumpulan data bersepadu (**do**).

Seterusnya, App.powerbi.com digunakan bagi menganalisis prestasi pencapaian PI dan SAP dengan data perbandingan di seluruh sistem UiTM. Sebagai tambahan, PSTU membuat pengukuran dan analisis bulanan menggunakan **templat inovasi prestasi PI** (platform EXCEL) yang membantu pemantauan dan pengurusan pengetahuan. Langkah seterusnya, pengesahan oleh Rektor dan disokong oleh pihak Pengurusan Eksekutif (selaku ketua PTJ) serta oleh ketua di setiap kolej pengajian/fakulti/pusat pengajian dan unit yang bertindak sebagai PU kepada setiap inisiatif strategik yang telah dirancang (**check**).

Sebagai usaha penambahbaikan yang berterusan dan komprehensif, pihak UPK, Koordinator Sistem Pengurusan dan Jaminan Kualiti (KSPJK) bertanggungjawab melaksanakan penyelarasan menyeluruh, khususnya terhadap ukuran dan data yang menyokong prestasi sistem kerja dan proses kerja yang dinilai melalui pencapaian Objektif Kualiti (OK) UiTMCP. Pada platform ini, prestasi PI dan SAP yang diwakili oleh PSTU turut dibincangkan. Semua proses yang terpilih direkodkan dan dijejaki melalui Skor Kad Pelaporan Objektif Kualiti (SKP-OK) dan hasil pencapaian dilaporkan dua kali setahun menggunakan templat yang sama. Segala bentuk pengukuran seperti PI, pencapaian OK, dan data/maklumat lain diukur dan analisis secara khusus bagi memantau operasi serta pencapaian keseluruhan ke arah pembuatan keputusan dan penambahbaikan yang berterusan. Pelaporan proses setiap OK, terutamanya merangkumi pendekatan, penyebaran, pembelajaran dan integrasi yang komprehensif. Manakala pelaporan hasil OK melalui SKP-OK merangkumi, sasaran, pencapaian semasa dan tren menggunakan kod warna, contohnya warna kuning bagi tindakan berterusan dan hijau bagi pencapaian yang telah tercapai. Setiap pencapaian dianalisis secara automatik ke kategori pencapaian sama ada, selesai, belum selesai atau belum tercapai sehingga tempoh sasaran muktamad pada tahun semasa dan tahun sasaran GRU 2025. Templat inovasi PSTU dan SKP-OK yang komprehensif ini telah diguna pakai sejak tahun 2021 melancarkan proses pengurusan pengetahuan dan tindakan penambahbaikan operasi perkhidmatan secara berinovasi (**act**).

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fokus pendekatan pengukuran dan analisis serta pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan adalah berpaksikan tiga elemen utama, iaitu: **hasil perancangan strategik** (pencapaian inisiatif strategik, keberkesanan SAP UiTMCP, ketampakan dan pengiktirafan), **hasil tumpuan kepada pelanggan** (bakat mahasiswa merentasi bidang, akauntabiliti dalam pengurusan sumber manusia, mengembeling bakat pelajar bersama rakan strategik [komuniti/masyarakat/industri]), dan **hasil dari operasi** (pembangunan akademik pelajar, pengurusan operasi/sumber, perkhidmatan dan kebajikan).

Pada peringkat pertama (hasil pertama), iaitu peringkat UiTMCP, perancangan dan pendekatan pengukuran adalah bertumpukan prestasi skor PI I-UiTM. Ia dilaksanakan secara jitu seperti pentakrifan PI dengan tepat, memperolehi data melalui proses/sumber yang konsisten, dan dianalisis secara berinovasi dan berkesan untuk bertindak/mengurus pencapaian prestasi PI dan keberkesanan SAP, terutamanya berkaitan bidang tumpuan **(L4-2a)**. Pada tahun 2023, sebanyak 35 PI (dan lapan SAP) adalah berkaitan langsung dengan bidang tumpuan (1 daripada BHEA, BHEP [5], ICAN [1] dan MASMED [1]) yang telah diselaraskan dengan 8 OK. Sumber pengukuran dan analisis data pencapaian 35 PI berkaitan aktiviti kecemerlangan akademik, kepimpinan, khidmat masyarakat (SULAM), dan keusahawan pelajar (BHEP, MASMED, ICAN, dan BHEA) didapati daripada UePMO, UISMS, dan PowerBI **(L4-2b)**. Sumber pengukuran data SKP-OK disalurkan daripada prestasi pelbagai proses (mengikut PTJ dan PU) yang komprehensif dan terperinci **(L4-2c)**.

Pada peringkat PTJ (hasil kedua), pengukuran menyeluruh terhadap aktiviti-aktiviti pembangunan, bakat dan kegembiraan pelajar dilaksanakan berasaskan sistem inovasi sokongan yang dibangunkan, seperti platform Minggu Destini Siswa (MDS), Model RAAPII (Indek Kegembiraan Pelajar), MPP I-Centre, dan saluran Telegram. Maklumat yang dicerap daripada multi-sistem sokongan ini, adalah bersifat multi-dimensi, seperti profil bakat (kepimpinan, hafis/hafizah, kesukanan, seni dan kebudayaan), kebajikan, kesihatan (jasmani dan rohani), emosi dan keceriaan, dan keselamatan. Di peringkat BHEP, pengukuran dan analisis berasaskan maklumat borang maklum balas pelajar (semasa MDS) **(L4-2d)**, mampu memperkasakan pengurusan pengetahuan dan pembuatan keputusan untuk memastikan tiada pelajar tercicir. Ini memartabatkan falsafah UiTM dalam melahirkan graduan profesional yang mengembangkan ilmu, membangunkan diri, masyarakat, dan negara. Pelajar yang diasah bakatnya dalam ekosistem berakauntabiliti serta jaringan luar (bersama komuniti/masyarakat/industri), mampu memperkasa pelaksanaan SAP, mencapai sasaran 35 PI, dan seterusnya meningkatkan ketampakan *globally marketable*.

Peringkat PU pula (hasil ketiga), pengukuran dan analisis bertumpukan pencapaian akademik pelajar (seperti pencapaian peperiksaan, EES, CDL-CQI dan OBE-SCL, PLO *attainment* yang dilaksanakan oleh pensyarah dan RP), operasi/sumber (seperti SuFO dan SLEQ, PRO-PENS, TESA, dan TEX yang dilaksanakan oleh pelajar sendiri, pensyarah dan panel penilai), dan perkhidmatan dan kebajikan pelajar (seperti zakat, saringan minda sihat, rawatan kesihatan, bakat sukan dan sebagainya yang dilaksanakan oleh unit-unit di PTJ, iaitu Unit Zakat ACIS, Unit Kaunseling, Klinik Kesihatan dan Unit Sukan). Kesemua aspek pengukuran ini mempunyai sumber data yang sistematik, sahih dan mudah dicapai. Seperti *Students Information Systems* (SIMS) untuk akses kepada data pencapaian akademik pelajar secara individu dan kumpulan, uFUTURE untuk akses kepada EES, CDL-CQI dan OBE-SCL, dan sistem-sistem lain yang dibangunkan secara inovasi dan interaktif seperti Smart Zakat **(L4-2e)**, Kaunseling 2u dan sebagainya.

Pendekatan pengukuran dan analisis tersebut memastikan proses pengurusan pengetahuan yang komprehensif, berkesan, dan membentuk pelajar berintegriti dengan *skill set* lengkap ke arah meningkatkan ketampakan pasaran UiTMCP di persada nasional dan global.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_A01_AB02_20241_L4-2a Pengukuran PI UiTMCP 2023 \(Contoh OD-PI berkaitan Pelajar\).pdf](#)
2. [K0017_A01_AB02_20242_L4-2b Pelaporan Analisis Pencapaian 35 PI dari UePMO dan PowerBI .pdf](#)
3. [K0017_A01_AB02_20243_L4-2c Pelaporan Objektif Kualiti \(SKP-OK\) UiTMCP 2023 .pdf](#)
4. [K0017_A01_AB02_20244_L4-2d - Indeks Kegembiraan Pelajar 2023 .pdf](#)
5. [K0017_A01_AB02_20245_L4-2e Pelaporan Smart Zakat 2023 .pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran perancangan strategik berdasarkan data pencapaian inisiatif SAP dikumpul secara berkala 4 kali setahun dan dimuatnaik ke sistem UePMO, kemudiannya dianalisa menggunakan sistem powerbi.com. Data kemajuan dan sumbangan setiap bahagian, fakulti, jabatan terhadap inisiatif SAP dianalisis setiap 3 bulan oleh PSTU (**L4-3a**). Data perbandingan bagi pencapaian SAP berdasarkan PI I-UiTM digunakan untuk menilai kedudukan UiTMCP dalam keseluruhan sistem UiTM setiap tahun (**L4-3b**). Pengukuran pencapaian SAP di UiTMCP menjadi fokus utama dalam penilaian prestasi, Data yang diperoleh dari setiap PTJ dikumpulkan dan dianalisa seterusnya dibentangkan menerusi beberapa mesyuarat berkala iaitu MJKPMSN pada setiap suku tahun, manakala MKSP dan JKEN pada setiap 6 bulan sekali. **Pengukuran OK** berdasarkan data pencapaian OK direkodkan melalui SKP-OK secara berkala 2 kali setahun dan dianalisa secara automatik prestasi setiap PTJ yang diamanahkan untuk merealisasikan 15 OK berkaitan bidang tumpuan (**L4-3c**).

Instrumen Indeks Kegembiraan Pelajar digunakan bagi mengukur kualiti pengalaman pelajar di UiTMCP. Kajian ini menggunakan borang kaji selidik secara dalam talian menggunakan perisian Survey Monkey (**L4-3d**). Borang kaji selidik diedarkan melalui emel rasmi dari UiTMCP dan melalui aplikasi Whatsapp. Data komponen kegembiraan PdP, kesejahteraan, sokongan pelajar, dan suasana persekitaran keseluruhan dikumpul dan dianalisa secara kuantitatif setiap semester. Hasil dapatan kaji selidik dibentangkan di mesyuarat JKEN dan MKSP. Selain itu, **instrumen kajian maklum balas pelanggan** digunakan untuk mengukur kepuasan pelajar terhadap pengurusan UiTMCP merangkumi BHEA, BHEP, PJI, Kolej dan Fakulti. Data maklum balas dan aduan pelanggan dikumpul menerusi laporan daftar aduan pelanggan, laporan soal selidik kepuasan pelanggan kaunter perkhidmatan dan secara dalam talian serta laporan maklum balas tahap kepuasan pelanggan. Pelaporan ini dianalisa, dibentangkan dalam MKSP dua kali setahun untuk sebarang tindakan mitigasi dan penambahbaikan. **Sistem Early Student's Profile** digunakan untuk mengenal pasti dan menilai bakat pelajar sedari awal kemasukan dan menjadi mekanisma pengukuran awalan untuk menguruskan bakat pelajar. Data kepakaran, bakat, kemahiran dan pencapaian pelajar dikumpul dan dianalisa oleh BHEP secara kuantitatif dan kualitatif serta dibentangkan di mesyuarat BHEP. Pengukuran ini dilaksanakan secara berkala setiap semester ketika MDS kepada pelajar semester 1.

Indikator kecemerlangan akademik pelajar diukur melalui data pencapaian peperiksaan, EES, CDL-CQI, OBE-SCL dan pencapaian hasil pembelajaran program akademik (PLO). Data pencapaian 6 KPI peperiksaan (CGPA, GOT, AD, ANC, kursus gagal >25%, pelajar gagal >3%) diukur untuk menilai pencapaian keputusan peperiksaan pelajar. PLO diukur dan dianalisa melalui pencapaian kumulatif Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) yang dipetakan kepada PLO. Data pencapaian PLO diperolehi melalui sistem eRes dan dianalisa pada akhir setiap semester bagi sesuatu program, seterusnya dibentangkan di Mesyuarat JAN. Data EES, CDL-CQI dan OBE-SCL pula dikumpulkan melalui sistem uFUTURE untuk dianalisa secara berkala setiap semester bagi menilai pencapaian akademik pelajar. Hasil penemuan data dibentangkan di peringkat jabatan, fakulti, Mesyuarat JKA dan Mesyuarat JAN. **Pengukuran pengurusan sumber manusia (akademia) dikendalikan secara kolektif 360° mencakupi data maklum balas dari pelajar, panel penilai dan penilaian sendiri melalui SUFO, ReSuFO, PRO-PENS, TESA, dan TEX (L4-3e)** Hasil analisis pencapaian tersebut dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa PRO PENS, JKEN, dan JKA yang bertujuan membincangkan log tindakan untuk mengenal pasti risiko dan keperluan mengkaji semula serta melaksanakan mitigasi tangkas dan berkesan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_A01_AB03_20241_L4-3a Laporan Aktiviti UKP 2023 .pdf](#)
2. [K0017_A01_AB03_20242_L4-3b Laporan Perkhidmatan Pembangunan Pelajar 2023 .pdf](#)

3. [K0017_A01_AB03_20243_L4-3c Laporan Pencapaian OK berkaitan HEP 2023_.pdf](#)
4. [K0017_A01_AB03_20244_L4-3d Laporan Indeks Kegembiraan Pelajar 2023_.pdf](#)
5. [K0017_A01_AB03_20245_L4-3e Laporan SuFO UiTMCP 2023_12.32.59?PM_.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCP bergerak seiring dengan **Falsafah Pendidikan Negara Malaysia** dalam menghasilkan pelajar yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (**JERIS**). UiTMCP memantau SAP berteraskan PI-I UiTM dan OK (Objektif Kualiti) (**L4-4-1a**). 8 SAP dan 35 PI yang terkait secara langsung terhadap pelajar di analisa pencapaiannya dan dibentangkan di dalam MJPMNSN dengan kekerapan 4 kali setahun. Bagi PI yang masih belum tercapai, langkah intervensi dicadangkan. Bagi sasaran OK yang telah dicapai, pengurusan UiTMCP menetapkan sasaran baru yang lebih berdaya maju sesuai dengan kemampuan PTJ. Bagi OK yang belum tercapai langkah intervensi proaktif dilaksanakan supaya dapat menepati sasaran. Hasil pencapaian, analisa sasaran dan tindakan intervensi 8 SAP, 35 PI dan 14 OK yang terkait dengan pelajar disalurkan kepada setiap unit yang bernaung di bawah HEP melalui Mesyuarat Ketua Bahagian secara berkala 4 kali setahun. Mesyuarat ini menjadi wadah kepada tindakan setiap unit untuk mengerakkan pelajar UiTMCP mencapai keseimbangan dari aspek JERIS.

Pelan Tindakan Pemantauan Operasi Perkhidmatan UiTMCP diperkasakan melalui inovasi **Indeks Kegembiraan Pelajar UiTM Cawangan Perak**. Berdasarkan Model **RAAPII (Relationship, Achievement, Academic Environment, Positive Emotion, Involvement, Infrastructure/Infostructure)** (**L4-4-1c**) pengukuran dibuat dengan skala 1 hingga 5, semakin tinggi nilai yang diperoleh, semakin tinggi tahap kegembiraan pelajar UiTMCP. Melalui RAAPII, UiTMCP boleh mengenal pasti kelebihan dan kelemahan dalam penyampaian operasi perkhidmatan UiTMCP dan kualiti pendidikan kepada pelajar.

Pelan Tindakan Pemantauan Audit Dalam dilaksanakan di UiTMCP secara berkala setahun sekali melalui kitaran PDCA (**L4-4-1b**). Melalui pelan tindakan ini, audit dalam dilaksanakan bagi memantau operasi perkhidmatan, kecukupan bakat dan sumber, tahap kepuasan pelanggan dan pengurusan tindakan risiko berdasarkan kepada keperluan Standard ISO9001:2015, COPIA dan COPPA. Pengukuran pengurusan dalam mengatur sumber utama kehidupan pelajar dalam dan luar kampus diperolehi hasil dari data maklum balas kepuasan hati pelajar melalui pengukuran sendiri seperti SUFO, ReSuFO, PRO-PENS, TESA, dan TEX.

Hasil penganalisan Pelan Pemantauan Akademik Pelajar melalui 6 KPI pencapaian peperiksaan, EES, CDL CQI, OBE-SCL dan pencapaian PLO digunakan sebagai penunjuk kecemerlangan prestasi akademik pelajar. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Akademik (JKA), pemantauan pencapaian akademik pelajar diterjemahkan melalui Log Tindakan JKA. Pencapaian yang tidak memenuhi spesifikasi akan direkodkan sebagai Continuous Quality Improvement (CQI) dan tindakan intervensi dilakukan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_A01_AB04_AC01_20241_L4-4-1a Pencapaian Objektif Kualiti HEP 2023 .pdf](#)
2. [K0017_A01_AB04_AC01_20242_L4-4-1b SAP HEP 2023 .pdf](#)
3. [K0017_A01_AB04_AC01_20243_L4-4-1c Indeks Kegembiraan Pelajar UiTMCP 2023 .pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko UiTMCP dibawah tatakelola Jawatankuasa Pemilik Risiko (JKPR) dengan keahlian Rektor sebagai Pengerusi dan semua Timbalan Rektor, Ketua Unit Pengurusan Kualiti, Ketua Unit Polis Bantuan, Ketua Pentadbiran, wakil Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan serta Penyelaras Pengurusan Risiko sebagai ahli JK. Berlandaskan kepada Polisi Pengurusan Risiko UiTM, JKPR UiTMCP bergerak seiring dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR) induk dalam mengenalpasti jenis risiko, tahap analisa risiko dan mitigasi risiko **(L4-4-2a)**.

UiTMCP mengenal pasti risiko **pengukuran analisa dengan memastikan metrik yang digunakan untuk menilai prestasi dan pembangunan pelajar adalah tepat dan relevan. Risiko yang dikenalpasti termasuk ketidaktepatan data, yang boleh berlaku akibat kesalahan dalam pengumpulan atau perekodan data pelajar, dan penggunaan alat pengukuran yang tidak sesuai (L4-4-2b)**. Untuk mengurangkan risiko ini, UiTMCP melakukan audit data secara berkala dan melibatkan pelbagai pihak dalam proses analisa, menggunakan pendekatan berasaskan bukti, dan mengadakan semakan semula hasil sebelum membuat keputusan.

Setiap unit HEP bertanggungjawab mengumpul dan membincangkan dalam mesyuarat dalaman HEP berkaitan risiko berkaitan pelajar dan menyalurkan pada JKPR UiTMCP. Risiko tersebut didaftar dan dianalisa kadar impak dan tahap risiko. Seterusnya langkah mitigasi dilaksanakan bagi mencegah tahap risiko lebih parah. Antara amalan terbaik UiTMCP adalah dalam mengenal pasti risiko kewangan pelajar. Tindakan ini merangkumi mengenal pasti pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan menjurus kepada mitigasi **zero poverty**. **Pengukuran Zero Poverty** meliputi bajet pendidikan, kadar harga agihan zakat dan menyediakan senarai asnaf dalam kalangan pelajar. Tindakan pencegahan diperkasa melalui **Sistem Automasi Pengurusan Zakat Smart Zakat (L4-4-2c)**, **Dapur Asnaf** untuk Pelajar NR, dan **Dapur HEP (L4 4-2d)** bagi memastikan kelestarian kesejahteraan pelajar UiTMCP.

Risiko dalam pengurusan pengetahuan melibatkan kemungkinan kehilangan pengetahuan penting apabila staf meninggalkan UiTMCP atau kurangnya perkongsian pengetahuan antara jabatan **(L4-4-2e)**. UiTMCP mengurangkan risiko ini dengan memastikan dokumentasi yang lengkap dan terperinci bagi program pembangunan pelajar, serta mempromosikan budaya perkongsian pengetahuan menerusi bengkel dan mengoptimumkan aplikasi platform digital. UiTMCP turut memanfaatkan teknologi untuk mengenal pasti risiko menyimpan dan mengakses maklumat dengan mudah. Penggunaan teknologi seperti sistem pengurusan pelajar dan sistem pengurusan risiko (eRMS) membantu dalam pengumpulan data yang tepat serta analisa yang efisien, serta memastikan maklumat yang relevan sentiasa tersedia dan tepat.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_A01_AB04_AC02_20241_L4-4-2a Polisi Pengurusan Risiko UiTM 2023 .pdf](#)
2. [K0017_A01_AB04_AC02_20242_L4-4-2b Panduan Pengurusan Risiko .pdf](#)
3. [K0017_A01_AB04_AC02_20243_L4-4-2c Laporan Program Kemiskinan Kampus Sifar_Unit Zakat .pdf](#)
4. [K0017_A01_AB04_AC02_20244_L4-4-2d Dapur HEP UiTM Cawangan Perak .pdf](#)
5. [K0017_A01_AB04_AC02_20245_L4-4-2e Bengkel Pengurusan Data Dalam Mengenalpasti Risiko .pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP melaksanakan proses peningkatan prestasi melalui tindakan pembetulan dan pencegahan berdasarkan dapatan yang dibentangkan oleh PTJ dalam mesyuarat MPD/JAN/MKSP serta hasil audit dalam **(L4-4-3a)**. Tujuan pembentangan dapatan dalam mesyuarat ini adalah untuk memverifikasi tindakan yang perlu diambil agar selaras dengan keperluan pengurusan kualiti. Selain itu, perbincangan mengenai tindakan pembetulan dan pencegahan diadakan untuk memastikan keberkesanan terhadap pencapaian JERIS pelajar.

Pihak HEP telah mengambil tindakan pembetulan dan dibentangkan melalui MKSP, aduan maklumbalas pelanggan, penglibatan MPP membantu keputusan dicapai oleh pengurusan atasan dan laporan analisis risiko dibentangkan dan seterusnya arahan tindakan pembetulan risiko berkaitan dikeluarkan. Seterusnya setiap unit di bawah HEP terlibat serta bertanggungjawab melaksanakan tindakan pembetulan dan mengemaskini risiko yang didaftarkan **(L4-4-3b)**. Ini bagi memastikan rekod kualiti melalui laporan aduan maklumbalas pelanggan mahupun **Laporan Analisis Risiko** dapat disimpan untuk rujukan pelbagai pihak berkaitan dalam usaha mencapai kesejahteraan pelajar dalam dan luar kampus. UiTMCP sentiasa memastikan sebarang ketidakpatuhan atau kelemahan terhadap sistem pengurusan kualiti serta pengurusan HEP dikawal sepenuhnya. Prosedur tindakan pencegahan diamalkan bagi menghalang ketidakpatuhan ataupun kelemahan yang boleh mengganggu kelancaran sistem pengurusan UiTMCP yang merangkumi peranan HEP dalam menguruskan kesejahteraan pelajar seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial sepanjang pengajian mereka di UiTMCP. Unit-unit dalam HEP beserta akademia adalah satu elemen sistem yang sangat penting bagi UiTMCP yang menyokong gerak kerja secara langsung mahupun tidak dalam memastikan kesejahteraan pelajar tercapai terutamanya.

Bagi pengurusan risiko yang didaftarkan berkaitan kesejahteraan pelajar berkaitan kewangan, keselesaan dan pencapaian akademik yang lebih baik dengan penyediaan prasana yang berkualiti dijadikan sebagai tunggak penambahbaikan yang berterusan. Audit dilaksanakan berdasarkan **bakat dan sumber operasi** merupakan aset penting dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam memberikan impak yang baik dari segi prasarana kepada pelajar yang maksima selagi dengan tahap index kegembiraan pelajar yang memberangsangkan. Tindakan terhadap segala dapatan diambil tindakan segera oleh HEP khususnya dan juga pihak-pihak lain bekerjasama membantu dalam mencapai halatuju UiTMCP, mencapai falsafah pendidikan serta mencapai PI universiti yang menumpukan pada kesejahteraan pelajar. **Pelan Tindakan Audit Susulan** serta **Log Tindakan** menjadi pemangkin dalam memastikan penambahbaikan dilaksanakan dan dipantau secara berterusan bagi mencapai bagi mencapai SAP berteraskan PI-I UiTM dan OK yang berteraskan kesejahteraan pelajar khususnya. **(L4-4-3c)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_A01_AB04_AC03_20241_L4-4-3a Laporan Eksekutif Audit Dalam 2023 melibatkan HEP_.pdf](#)
2. [K0017_A01_AB04_AC03_20242_L4-4-3b Laporan Laporan eRMS 2023_.pdf](#)
3. [K0017_A01_AB04_AC03_20243_L4-4-3c Pencapaian Objektif Kualiti HEP 2023_.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCP memanfaatkan hasil penganalisaan data yang menyokong kemampuan pelaksanaan bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar untuk penambahbaikan dan mengelakkan kelemahan berulang. SKP-OK adalah inovasi templat pelaporan OK secara digital dengan integrasi terjemahan data, analisa pengukuran pencapaian, tindakan intervensi dan laporan statistik pencapaian keseluruhan OK yang dibentangkan dalam MKSP. Pada tahun 2023, integrasi proses telah dikembangkan dimana akses **pelantar Google Sheet SKP-OK** dibuka kepada PTJP dan setiap pelapor boleh mengintegrasikan bahan bukti pelaksanaan setiap inisiatif OK dengan berkongsi pautan dokumen asal dalam google drive PTJP. Inovasi SKP-OK, bukan sahaja memudahkan proses pengumpulan data dan maklumat hasil pencapaian bagi OK, ia juga mempercepatkan masa MKSP dijalankan kerana pembentangan setiap PTJU dan PTJP lebih jelas dan bersasar. Manakala perbincangan proses intervensi bagi OK yang belum tercapai lebih jelas kerana lebih waktu diperuntukkan untuk perkongsian amalan terbaik dari jabatan dan bahagian lain di UiTMCP. Seterusnya, tindakan yang diambil dinyatakan secara terperinci melalui **Log Tindakan MKSP (L4-5a)**.

Pengukuran Indeks Kegembiraan Pelajar turut memberi impak dan hasil yang baik apabila setiap indeks yang dianalisa dibuat penilaian untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan terutamanya dari segi kewangan. **Cakna dengan masalah pelajar UiTMCP, Smart Zakat** ini diinovasikan bagi membantu pelajar untuk mendapatkan kewangan yang mencukupi berdasarkan kategori pelajar tersebut bagi mengatasi jurang defisit perbelanjaan pelajar **(L4-5b)**. Inovasi ini memberi impak positif kepada pelajar UiTMCP seterusnya meningkatkan kesejahteraan pelajar khususnya pelajar asnaf. Smart Zakat ini telah mendapat perhatian daripada Majlis Agama Islam Negeri Perak untuk direplikasikan dalam sistem pengurusan zakat mereka.

Melalui pengukuran Sistem Early Student's Profile, **MPP i-centre telah diintegrasikan di peringkat jawatankuasa tertinggi pelajar UiTMCP**. MPP i-centre memberi galakan kepada mahasiswa untuk bersama-sama membincangkan hal berbangkit berkenaan aktiviti pelajar di UiTMCP. Melalui pembudayaan ini, perluasan maklumat dan pembelajaran terhadap pelajar dapat dimaksimakan. Inovasi MPP i-centre secara tidak langsung memupuk sifat kepimpinan dalam kalangan pelajar sehingga beberapa pelajar dari UiTMCP telah berjaya menempatkan diri sebagai pemimpin di peringkat negeri iaitu melibatkan pencalonan sebagai Setiausaha Dewan Muda Negeri Johor **(L4-5c)**. Integrasi dari segi kerohanian juga dilihat memberi keberkesanan kepada pelajar di mana beberapa pelajar IMAD dinilai dan diberi peluang untuk berkhidmat di luar kampus UiTMCP sebagai imam di masjid sekitar dan bekerjasama dengan universiti luar **(L4-5d)**. Hal ini memberi ruang kepada pelajar UiTMCP untuk membangunkan potensi mereka sekaligus memantapkan kemahiran komunikasi mereka di luar kampus UiTMCP dalam memperkasakan kerjasama bersama agensi luar.

.Penemuan analisa pengukuran kecemerlangan akademik pelajar mengintegrasikan Pelan Tindakan PdP Inovatif. Pendekatan pengajaran berasaskan *Community-Based Learning* dibudayakan dengan pembangunan kurikulum *SULAM*. Pembelajaran berasaskan masalah dilaksanakan dengan kerjasama komuniti untuk menyelesaikan isu. Pembelajaran berasaskan pengalaman melalui tema "*Experiential Learning in A Green Environment*" diterapkan dan dijadikan sebagai sokongan kepada *Rector's Special Project* di bawah Inisiatif Kampus Hijau. Pelaksanaan projek inovasi hijau seperti sistem pengairan air tasik, *Solar Photovoltaic Panel*, dan *green roof* dijadikan sebagai medan PdP melalui pengalaman pembelajaran sebenar. Kaedah PdP berteknologi IR4.0 diperkasakan dengan platform pembelajaran digital dan penyediaan *smart classroom*. *Borderless Campus* dan *Academic Code Sharing menerusi CGCT* dengan universiti lain atau industri, turut dibudayakan bagi menggarap pelajar yang cemerlang **(L1-5e)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_A01_AB05_20241_L4-5a Contoh Petikan Log Tindakan MRSP Bil 1.2023_.pdf](#)
2. [K0017_A01_AB05_20242_L4-5b Inovasi Zakat Smart UiTM Cawangan Perak_.pdf](#)
3. [K0017_A01_AB05_20243_L4-5c MPP i-Centre dan Kepimpinan Pelajar UiTM Cawangan Perak_.pdf](#)
4. [K0017_A01_AB05_20244_L4-5d Aktiviti pelajar IMAD dan Kerjasama di Luar Kampus 2023_.pdf](#)
5. [K0017_A01_AB05_20245_L4-5e Contoh Laporan Inovasi Green E and WCampus dan CGCT UiTM Cawangan Perak_.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kecekapan pengurusan sumber manusia merujuk kepada kemampuan organisasi dalam merancang, melaksanakan, memantau, dan menambah baik kedayaan sumber manusia. Ia bagi meningkatkan kompetensi tenaga kerja, memaksimum potensi dan ketampakan melalui latihan dan pembangunan sumber manusia. Tenaga kerja yang proaktif dapat menjamin perkhidmatan pelajar yang berimpak tinggi dan berkesan. Tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar dengan sumber manusia yang efektif dilaksanakan melalui **Model PDCA (Plan, Do, Check, Act)** yang inklusif.

Fasa Perancangan (Plan) dimulakan dengan menetapkan sasaran strategik dalam **Strategic Action Plan (SAP)** mengikut kefungsi sumber manusia bagi unit-unit utama dalam Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Keterlibatan tenaga kerja dalam pengurusan dan pembangunan pelajar tidak terhad hanya kepada unit-unit utama BHEP tetapi juga melibatkan sinergi keseluruhan tenaga kerja UiTMCP. Antara bahagian/unit yang mempunyai hubungan langsung dengan pengurusan dan pembangunan pelajar merangkumi Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A), Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Unit Zakat. Selain itu, **pendekatan *departmental projects* dan SAP Pejabat Pentadbiran dalam perancangan kecemerlangan sumber manusia turut dipetakan kepada teras *strategik globally marketable staff*. Inovasi sistem kerja melalui inisiatif seperti Happy iDart, Jom Inovasi, Go Glow V.2, dan Go Expert turut mengambilkira elemen perkongsian pengetahuan. Bagi menjayakan matlamat GRU2025, UiTMCP juga terus terkehadapan dalam melantik 3 orang kakitangan akademik antarabangsa. Pendekatan *Talent Pool* dan *Talent Mapping* turut dilaksanakan melalui pemerksaan kecemerlangan bakat staf dalam bidang akademik, sukan, kebudayaan serta perkhidmatan. Selain itu, pelantikan Koordinator Zakat dan Kakitangan Pengurusan zakat telah menyumbang kepada perkhidmatan kebajikan pelajar. UiTMCP sentiasa menghargai sumbangan warga kerjanya melalui anugerah-anugerah yang telah dikhususkan kepada staf akademik mahupun bukan akademik.**

Fasa Pelaksanaan (Do) merangkumi libatsama keseluruhan warga kerja dalam menjayakan gagasan bumiputera tangkas melalui pelantikan penasihat kelab dan persatuan dan pelantikan penyelaras HEP di setiap kolej pengajian/fakulti. Ia bertujuan untuk memperluas peluang bakat pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **Galakan perkongsian ilmu** juga giat dijalankan di UiTMCP menerusi seminar, webinar, bengkel dan latihan bagi memperkasa pengetahuan, meningkatkan kecekapan, serta mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam kalangan kakitangan selain turut menyebarkan pengetahuan kepada pelajar dan komuniti. **Pemindahan ilmu dan teknologi turut dijayakan menerusi integrasi program SULAM dalam silibus akademik dan kokurikulum** yang dibangunkan oleh tenaga kerja UiTMCP. Sumbangan kakitangan kepada komuniti sukan, kepengadilan dan kebudayaan turut diperluas ke peringkat kebangsaan.

Fasa Pemantauan (Check) pula merangkumi kepuasan hati kakitangan terhadap kemudahan infrastruktur, infostruktur dan pengurusan sumber manusia UiTMCP melalui **Skor UHI dan maklumbalas pelanggan terhadap perkhidmatan**. Risiko sumber manusia dalam operasi juga turut dikenalpasti seperti komposisi pensyarah dan staf kepada pelajar serta risiko kegagalan pembudayaan sistem kerja yang efektif. Kaji semula dan penambahbaikan operasi sumber manusia dilaksanakan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat BHEP, Mesyuarat PPSM dan analisa keperluan latihan staf.

Fasa Tindakan (Act) merujuk kepada integrasi terhadap penambahbaikan sistem kerja sumber manusia. Ia termasuk **templat pelunjuran perjawatan bagi menambahbaik topografi sumber manusia, ketampakan staf melalui program berimpak komuniti, Waqaf Ilmu Series, Program webinar kesejahteraan minda CSI-Wellbeing, WOW2.0, inovasi unit sukan, Gerobok Rezeki serta Anugerah Kecemerlangan Pelajar (AKP)** menjadi tunjang

budaya kerja yang cemerlang dalam kalangan warga kerja UiTMCP.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan sumber manusia yang strategik dan berkesan bukan sahaja dapat memperkukuhkan kualiti perkhidmatan pendidikan, tetapi juga meningkatkan kepuasan dan prestasi pelajar. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTMCP yang dipimpin oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (TRHEP) memfokus kepada dua tumpuan operasi iaitu pembangunan dan kepimpinan pelajar serta perkhidmatan dan kemudahan pelajar. **Tenaga kerja BHEP merangkumi 8 turus utama (L5-2a)** dalam pembangunan dan kepimpinan pelajar adalah seperti Unit Kepimpinan Pelajar (UKP), Unit Keseniaan Dan Kebudayaan, Unit Sukan dan Unit Kokurikulum, manakala urustadbir perkhidmatan dan kemudahan pelajar dijalankan oleh Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP), Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) dan Unit Kesihatan (UK). Gerak kerja operasi sumber manusia adalah berdasarkan **susunan nomenklatur** seperti yang telah digariskan oleh pengurusan universiti terdiri daripada **staf akademik dan staf bukan akademik (eksekutif, profesional dan pelaksana)**. Kekuatan sumber manusia ini juga turut disokong oleh tenaga kerja pejabat Pentadbiran Am BHEP diketuai oleh Penolong Pendaftar Kanan dalam kecekapan dan keberkesanan operasi sumber manusia BHEP.

Pendekatan strategik sumber manusia telah dijayakan menerusi **departmental projects** dalam kerangka *Strategic Action Plan* (SAP) Pejabat Pentadbiran bagi memastikan urus tadbir sumber manusia yang berkesan. Usaha mengangkat teras strategik *Globally Marketable* dijayakan melalui pendekatan **Go Expert** dengan matlamat melahirkan ahli fakulti terbaik dalam kepakaran, kebolehan, penyelidikan dan rekod pencapaian profesional yang kukuh di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Manakala inisiatif **Go Glow V.2** dan **Jom Inosasi** telah dilaksanakan bagi memastikan kakitangan UiTMCP berpengetahuan dan berkemahiran global, kritis dan kreatif, berkeupayaan berkerja secara kolaboratif dan berkomunikasi secara berkesan di platform multinasional melalui bengkel, latihan dan kerjasama rakan strategik. Dalam memastikan akauntabiliti dan ketinggian nilai perkhidmatan, penglibatan aktif kakitangan melalui pendekatan **Happy iDart** turut dilaksanakan (**L5-2b**). UiTMCP juga mengambil **langkah proaktif dalam melantik 3 orang kakitangan akademik antarabangsa** bagi memastikan potensi pelajar dapat dipertingkatkan (**L5-2c**).

Pendekatan **talent pool dan talent mapping** sumber manusia juga telah dilaksanakan di UiTMCP. Kesarjanaan akademia berkelayakan PhD dan ahli profesional dalam pelbagai bidang mengangkat usaha pemerksaan kecemerlangan akademik pelajar. Kecemerlangan bakat pelajar dalam sukan, kokurikulum dan kebudayaan digerakkan oleh kejurulatihan profesional (**L5-2d**) dalam kalangan kakitangan UiTMCP misalnya jurulatih profesional sukan orienteering, sepak takraw serta brassband. Selain itu, UKK UiTMCP turut melantik **kaunselor berdaftar dan berkepakaran** bagi mengukuh perkhidmatan kepada pelajar. UKK turut berperanan dalam memastikan kesediaan pelajar terhadap kerjaya dan kehendak industri. Usaha ini dilaksanakan secara aktif melalui Modul Pembangunan Kerjaya (e-MPK) bersama fasilitator dalam kalangan pensyarah yang telah dilantik serta webinar dan seminar kerjaya dengan penglibatan industri dan alumni. Selain itu, **pelantikan koordinator zakat dan kerani pentadbiran Unit Zakat** telah memperkaya koordinasi pengurusan zakat yang efisien dan berkesan.

UiTMCP terus komited dalam menghargai warga kerjanya. Pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah diberikan kepada warga kerja UiTMCP antaranya adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Pekerja Contoh Bulanan, Anugerah Akademik Universiti (AAU) dan Anugerah Pentadbir Cemerlang sebagai penghargaan kepada warga kerja UiTMCP. BHEP turut menghargai komitmen warga kerjanya yang telah mencapai pencapaian keseluruhan 100% bagi Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) serta penghargaan kepada penasihat-penasihat persatuan yang terdiri daripada pensyarah serta staf dalam **Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar (AKP) (L5-2e)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_S01_SB02_20241_L5-2a Carta Organisasi Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak_.pdf](#)
2. [K0017_S01_SB02_20242_L5-2b Pendekatan Tumpuan Sumber Manusia Pejabat Pentadbiran_.pdf](#)
3. [K0017_S01_SB02_20243_L5-2c Surat Perlantikan Pensyarah Antrabangsa.pdf](#)
4. [K0017_S01_SB02_20244_L5-2d Sijil Kepakaran dan Kejurulatihan Profesional Kakitangan UiTMCP_.pdf](#)
5. [K0017_S01_SB02_20245_L5-2e Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Gagasan bumiputera tangkas direalisasikan melalui **libatsama keseluruhan warga kerja UiTMCP** bagi mewujudkan ekosistem pembangunan dan pengurusan pelajar yang produktif. Dalam usaha memperkasa kepakaran dan pengalaman sumber manusia, BHEP telah meluaskan agenda pembangunan dan pengurusan pelajar dengan **pelantikan penasihat-penasihat kelab dan persatuan pelajar** UiTMCP dalam kalangan pensyarah dan staf yang berkemahiran (**L5-3a**). Selain itu, agenda pembangunan kecemerlangan bakat dan pengurusan pelajar ini turut dijayakan melalui **pelantikan penyelar Hal Ehwal Pelajar (HEP)** dalam kalangan pensyarah daripada setiap Kolej Pengajian dan Fakulti (**L5-3b**). Ia bertujuan memastikan peluang samarata dalam pengayaan bakat disamping menjamin kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Guna tenaga sumber manusia turut dioptimumkan dengan pelantikan jurulatih kokurikulum yang berpengalaman dan berkelayakan untuk **melatih bakat pelajar ke peringkat nasional dan antarabangsa**. Penglibatan (*engagement*) dan pembangunan (*development*) tenaga kerja adalah signifikan dalam pembentukan jati diri dan sahsiah pelajar dalam melahirkan insan yang harmonis dan holistik seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Inisiatif **Go Expert dan Go Glow** dijayakan melalui program pemindahan ilmu turut dijalankan secara meluas dalam kalangan tenaga kerja melalui **sesi perkongsian ilmu** samada secara bersemuka mahupun di atas talian bagi menyemarakkan usaha perkongsian pengetahuan dan melahirkan kakitangan yang berpengetahuan luas. Usaha ini diperhebatkan dengan **penubuhan Green Studio UiTMCP sebagai pemudahcara program webinar dalam talian agar capaian yang lebih meluas dapat diwujudkan**. Bagi membudayakan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan warga kerja UiTMCP, inisiatif **Jom Inovasi** telah dilaksanakan dan seterusnya dapat memperkasa semarak inovasi dalam kalangan pelajar. Rekacipta dan inovasi pelajar ini dapat memberi manfaat kepada komuniti antaranya seperti usahasama **Inovasi Kit Solat bersama universiti luar negara (L5-3c)**. Pengukuhan amalan integriti turut dilaksanakan melalui inisiatif **Happy iDart** dan diperluaskan kepada pelajar melalui **penawaran kursus kokurikulum Integriti dan Anti Rasuah HPD244 sebagai kursus kokurikulum ber kredit**.

Kesarjanaan dan kepakaran kakitangan UiTMCP diperluaskan melalui **program-program pemindahan ilmu secara aktif kepada komuniti tempatan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan malahan juga turut menjangkau komuniti antarabangsa** sebagai usaha memperkasa agenda **University Social Responsibility (USR)** dalam kalangan pelajar. Kepakaran sumber manusia dalam pelbagai bidang misalnya teknologi lestari, perniagaan, senibina dan kesenian disebar di peringkat antarabangsa seperti di Indonesia dan Thailand melalui intergasi program **Service Learning Malaysia-University For Society (SULAM)** dalam silibus akademik dan kokurikulum (**L5-3d**). Selain itu, **melalui bimbingan tenaga akademik, pelajar turut dilantik menjadi fasilitator (U-FASI) dalam program kecemerlangan sekolah seperti Sekolah Kurang Murid di Daerah Perak Tengah**

Kakitangan UiTMCP juga **bergiat aktif dalam kepimpinan sukan di peringkat negeri dan kebangsaan** antaranya dilantik sebagai Timbalan Presiden Sukan Orienteering Malaysia dan Presiden Sukan Orienteering Negeri Perak (**L5-3e**). Selain itu, terdapat juga kakitangan yang aktif dalam kepengadilan sukan seperti sukan takraw. Kecemerlangan bakat tenaga pengajar dan jurulatih kokurikulum dan sukan UiTMCP turut **dikembangkan kepada komuniti sekolah setempat dengan menjadi pakar rujuk aktiviti pancaragam dan brassband**.

Kepakaran dalam khidmat bimbingan kaunseling turut dapat diperluas ke peringkat antarabangsa. Ini kerana terdapat permintaan perkhidmatan melibatkan bimbingan kaunseling daripada klien luar negara. Kecekapan guna tenaga manusia dalam menyediakan perkhidmatan kesejahteraan pelajar ke turut diperluas melalui **Bengkel Psychological First Aid (PFA) kepada pensyarah dan penasihat akademik bagi meningkatkan kemahiran mengendalikan kesejahteraan minda dan emosi pelajar**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_S01_SB03_20241_L5-3a Contoh Surat Lantikan Penasihat Kelab dan Persatuan.pdf](#)
2. [K0017_S01_SB03_20242_L5-3b Contoh Surat Pelantikan Penyelaras Hal Ehwal Pelajar Fakulti.pdf](#)
3. [K0017_S01_SB03_20243_L5-3c Inovasi Kit Solat Persatuan Nadi Acara.pdf](#)
4. [K0017_S01_SB03_20244_L5-3d Senarai Program SULAM.pdf](#)
5. [K0017_S01_SB03_20245_L5-3e Sijil Pelantikan Keanggotaan Kakitangan dalam Bidang Sukan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan sumber manusia yang efisien di UiTMCP telah memberikan impak positif terhadap orientasi kegirangan terhadap persekitaran kerja dan komitmen warga kerjanya terutamanya dalam urusan kebajikan staf dan pelajar. **Tahap kepuasan hati sumber manusia diukur melalui UiTM Happiness Index (UHI) dan dipantau melalui** aplikasi *HR2U* oleh kakitangan universiti. Data UHI direkod serta dianalisa oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) melibatkan keseluruhan kampus UiTM, fakulti dan PTJ. **Kepuasan hati sumber manusia adalah pada tahap terbaik dengan skor 77%**, tertinggi dalam sistem UiTM menjadi indikator ekosistem kerja UiTMCP yang produktif (L5-4-1a). Manakala **aduan dipantau melalui borang maklumbalas pelanggan di semua kaunter-kaunter khidmat pelanggan UiTMCP (L5-4-1b)**. Maklumbalas dipantau dengan kekerapan harian oleh Pengawai Khidmat Pelanggan, Unit Komunikasi Korporat. **Kepuasan hati terhadap kaunter perkhidmatan adalah pada skor 80.95%**. Laporan pencapaian tahap kepuasan hati pelanggan dilaporkan oleh ketua-ketua PTJ UiTMCP dan hasil laporan digunakan bagi tujuan kaji semula pengurusan. **Kutipan maklumbalas dilaksanakan melalui imbasan borang maklumbalas menggunakan Kod QR dan pelaksanaan secara dalam talian**. Aduan-aduan berkenaan perkhidmatan infrastruktur dan infostruktur boleh dilakukan melalui platform e-aduan fasiliti dan e-aduan ICT (units). **Maklumbalas perkhidmatan PTJ dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dengan kekerapan 2 kali setahun**.

Selain itu, **tenaga kerja Unit Pengurusan Kualiti (UPK) telah membangunkan instrumen soal selidik Student Happiness Index (SHI)** bagi memantau kepuasan hati pelajar terhadap perkhidmatan akademik serta merangkumi domain hubungan, pencapaian, persekitaran akademik, emosi yang positif dan kemudahan yang disediakan di UiTMCP (L5-4-1c). Hasil maklumbalas pelajar ini turut dilaporkan dalam **Mesyuarat Jawatan Kuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** dengan kekerapan sebulan sekali dan **MKSP** seterusnya turut dikongsi kepada semua warga kerja menerusi **Mesyuarat Kakitangan Akademik (MKA)** 2 kali setahun untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Proses pemantauan sistem kerja turut berlaku diperingkat unit dan bahagian BHEP melalui mesyuarat-mesyuarat berkala sukuan unit dan bahagian menunjukkan kecekapan warganya dalam mengukuhkan tumpuan kepada pengurusan dan pembangunan pelajar. Perancangan strategik dan inisiatif digerakkan bagi memastikan keberhasilan, perkhidmatan dan kebajikan pelajar terus terjamin.

Kepuasan hati tenaga kerja terhadap persekitaran juga dan perkhidmatan universiti juga pada tahap terbaik iaitu dengan skor 100%. Ini menunjukkan persekitaran kerja UiTMCP yang kondusif sekaligus dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti warga kerjanya. (L5-4-1d).

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_S01_SB04_SC01_20241_L5-4-1a Skor Indeks Kepuasan Hati Warga UiTM \(UHI\) 2023 .pdf](#)
2. [K0017_S01_SB04_SC01_20242_L5-4-1b Skor Indeks Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Kaunter UiTMCP .pdf](#)
3. [K0017_S01_SB04_SC01_20243_L5-4-1c Student Happiness Index \(SHI\). UiTM Cawangan Perak .pdf](#)
4. [K0017_S01_SB04_SC01_20244_L5-4-1b Skor Indeks Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Kaunter UiTMCP .pdf](#)
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCP melaksanakan sistem pengurusan risiko sistematik melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi universiti termasuk aktiviti pembangunan dan pengurusan sumber manusia. **Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCP (L5-4-2a) bertujuan untuk memastikan sistem pengoperasian universiti terutamanya yang melibatkan pengurusan pelajar dan sumber manusia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.** Pelantikan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dikalangan staf pentadbiran dan akademik telah memberi kekuatan kepada UiTMCP bagi menangani cabaran dan risiko dalam melaksanakan sistem kerja dan fungsi jabatan. Manakala, Unit Pengurusan Risiko (UPR) bertindak merancang tindakan pencegahan melibatkan risiko paling mungkin. Perancangan tindakan pencegahan risiko juga dapat memastikan pembangunan professional warga UiTMCP tetap dapat dilaksanakan walaupun wujud gangguan luar jangka serta dapat **memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat untuk warganya.** Risiko yang telah dikenalpasti juga didaftarkan dalam sistem e-RMS.

Risiko berkaitan sumber manusia telah dikenalpasti sebagai **risiko komposisi pensyarah dan staf pentadbiran kepada pelajar. Komposisi pensyarah dan staf pentadbiran sebagai komponen utama sumber manusia dalam pengurusan dan pembangunan pelajar dikenalpasti sebagai risiko sederhana.** Kekurangan tenaga keja boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan terutama kepada pelajar dan pemegang-pemegang taruh. Risiko-risiko lain yang dikenalpasti adalah seperti kekurangan staf berkeelayakan dan berpengalaman, ketirisan bakat dalam kalangan warga kerja dan pelan penggantian sumber manusia yang lemah. Namun begitu, **UiTMCP bertindak proaktif menerusi penetapan sasaran komposisi sumber manusia kepada pelajar dalam Objektif Kualiti (OK) UiTMCP (L5-4-2b) dan pelaksanaan SAP Pejabat Pentadbiran bagi mencegah risiko-risiko sumber manusia ini daripada berlaku.**

Risiko kegagalan untuk membangunkan budaya kerja berprestasi dan asimilasi nilai utama UiTM (R00603) dinilai sebagai risiko sederhana. Risiko ini diatasi dengan mengadakan 2 **prrogram berkaitan Happiness Index seperti program Happy Campus serta projek bengkel dan seminar berkaitan budaya kerja berpandukan iDART Booster.** Risiko (R00806) berkaitan perubahan dalam undang-undang dan dasar diatasi melalui inisiatif **Go Glow V2. dengan meningkatkan bilangan staf akademik berkeelayakan PhD.** Manakala risiko (R00905) iaitu bilangan penglibatan strategik yang rendah diatasi dengan **inisiatif Go Expert yang menggalakkan staf berdaftar sebagai ahli profesional, persatuan, NGO serta staf disangkutkan ke syarikat top global 2000.** Risiko (R0091) iaitu perkongsian kebangsaan dan antrabangsa yang tidak efektif diatasi dengan **pelantikan akademia antarabangsa bagi tempoh 6 bulan perkhidmatan (L5-4-2c).**

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_S01_SB04_SC02_20241_L5-4-2a Term of Reference Unit Pengurusan Risiko UiTMCP_.pdf](#)
2. [K0017_S01_SB04_SC02_20242_L5-4-2b Objektif Kualiti Pejabat Pentadbiran UiTMCP_.pdf](#)
3. [K0017_S01_SB04_SC02_20243_L5-4-2c Risiko Projek Pejabat Pentadbiran_.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan sumber manusia adalah merupakan proses penting bagi memastikan aspek-aspek berkaitan dijalankan secara cekap dan berkesan. **UiTMCP mengambil langkah dinamik dalam memastikan penilaian semula strategi, amalan dan prosedur pengurusan sumber manusia berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar khususnya, bagi menjayakan sasaran dalam petunjuk prestasi utama** Tumpuan kepada mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan utama dibincangkan dalam MKSP yang melibatkan kepimpinan eksekutif universiti dan ketua-ketua PTJ. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan ini kemudiannya dikongsi kepada warga PTJ bagi memastikan semua warga kerja memahami tindakan yang wajar diambil perhatian.

Dalam melonjak kompetensi global sebagai universiti terkemuka, UiTMCP optimis memperkasa warga kerja dengan **mengoptimum sumber manusia sedia ada dan guna sama kepakaran staf**. Dokumen Panduan Outfit Norma Perjawatan Universiti Awam (**L5-4-3a**) diaplikasi untuk mengoptimum staf dan mengelak lebih atau kekurangan staf ke arah **pengurusan sumber manusia tangkas (Agile HR)**. Selain itu UiTMCP turut menggalakkan perkhidmatan dalam talian. **Perkhidmatan secara digital dalam pengurusan dan pembangunan pelajar giat dijayakan di UiTMCP bagi menghapuskan jurang keperluan sumber manusia terhadap perkhidmatan kepada pelajar (L5-4-3b)**. Bengkel dan latihan secara berterusan dijalankan oleh UPK terutama dalam menjayakan kecemerlangan operasi kerja dan digitalisasi telah memperkaya sumber manusia dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelajar seperti pengurusan peperiksaan, perkhidmatan keselamatan kepada pelajar, perkhidmatan akademik dan pengurusan aktiviti pelajar.

Kaji semula pengurusan sumber manusia dinilai melalui mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dengan melihat kepada analisis keperluan latihan dan bengkel staf (**L5-4-3c**) yang menjurus kepada penglibatan aktiviti pelajar. Bagi mengurus prestasi dan pembangunan kemahiran tenaga kerja, tindakan penambahbaikan dilaksanakan melalui penyebaran infografik dan kenaikan penalti dalam LNPT bagi memastikan warga kerja memenuhi jam latihan. Usaha memperhebat kecemerlangan bakat warga UiTMCP juga dapat dilihat menerusi aktiviti kaji semula berdasarkan risiko yang dikenalpasti. **Pencapaian dan penilaian OK Pejabat Pentadbiran dibentangkan dalam MKSP dan mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan (JKSP) bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan** Penambahbaikan tenaga manusia BHEP dilaksanakan berdasarkan maklumbalas unit berkaitan dan dibentangkan menerusi mesyuarat ketua-ketua unit BHEP dan mesyuarat unit dan tindakan pembetulan dapat diperkasakan. Pembangunan kemahiran dapat memandu nilai prestasi warga UiTMCP selaras dengan teras strategik utama UiTM 2025 serta mewujudkan sistem kerja yang mendokong ESI-iDART.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_S01_SB04_SC03_20241_L5-4-3a Dokumen Panduan Outfit Norma Perjawatan Universiti Awam_.pdf](#)
2. [K0017_S01_SB04_SC03_20242_L5-4-3b Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Pejabat Pentadbiran_.pdf](#)
3. [K0017_S01_SB04_SC03_20243_L5-4-3c Analisis Keperluan Latihan Staf_.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan penambahbaikan sumber manusia bagi tumpuan kepada pengurusan dan pembangunan pelajar telah membina budaya dan ketinggian nilai, sikap serta amalan kerja yang positif. Asimilasi budaya pemikiran kritis dan kreatif, komunikasi berkesan serta sinergi kebersamaan dan keterangkuman telah mewujudkan tenaga kerja yang berketerampilan, berprestasi tinggi dan berintegriti. Kepelbagaian inovasi sistem kerja UiTMCP telah menyuburkan budaya inovasi dalam kalangan warga kerjanya.

Bagi memastikan topografi kepakaran kakitangan kekal dinamik, UiTMCP melaksanakan **pengisian *template* keperluan perjawatan (L5-5a)** setiap tahun sebagai satu strategi pelan penggantian holistik (*well succession plan*) bagi mencapai sasaran Objektif Kualiti 12(a) iaitu nisbah pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran 15:1:1 menjelang tahun 2025. Pelunjuran perjawatan ini adalah penting bagi memastikan perkhidmatan akademik dan perkhidmatan pelajar dilaksanakan dengan baik.

Selaras dengan **inisiatif Strategik UiTM** dalam usaha meningkatkan ketampakan dan kompetensi warga kerja, UiTMCP turut bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan negeri bagi memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar malahan turut memberi impak kepada komuniti. **Kemahiran tenaga kerja sebagai pelaksana dalam inisiatif Kerajaan Negeri Perak melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) (L5-5b)** yang merupakan sebuah agensi pembangunan sumber manusia berimpak tinggi telah membantu komuniti orang asli dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam memberi latihan kemahiran dan integrasi TVET.

Pembudayaan perkongsian pengetahuan turut menjadi tunjang dalam iklim kerja UiTMCP. **Waqaf Ilmu Series adalah merupakan suatu bentuk integrasi penyebaran ilmu yang dijalankan secara berterusan di platform atas talian dan secara bersemuka (L5-5c).** Pelbagai pengetahuan baharu telah dibincangkan melalui platform ini dengan kekuatan sumber manusia sedia ada. Waqaf Ilmu Series ini turut disertai oleh penceramah-penceramah berkepakaran, antarabangsa. Sebanyak 27 siri sesi perkongsian pengetahuan telah dilaksanakan dalam inisiatif ini dengan sasaran 1 sesi perkongsian bagi setiap 2 minggu. Objektif penganjuran *Waqaf Ilmu Series* ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan warga UiTMCP merangkumi pelajar dan kakitangan serta komuniti dan kumpulan sasar tentang isu semasa, cadangan penyelesaian, strategi dan tips berkaitan topik yang dikongsi.

Selain itu, bagi memastikan perkhidmatan kepada pelajar sentiasa terjamin, UKK, Unit Sukan dan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) sentiasa bekerjasama rapat dalam menjalankan program dan aktiviti yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan keseimbangan emosi dan jasmani pelajar misalnya seperti ***Counselling, Sports and Islamic, Webinar on Wellbeing 2.0 (CSI-WOW 2.0)***. UKK telah menganjurkan WOW2.0 yang merangkumi program-program minda sihat serta persediaan pelajar dalam industri pekerjaan serta perkongsian daripada alumni **(L5-5d)**. Unit Sukan memberikan perkhidmatan terbaik dengan menyediakan program sukan dan kesejahteraan jasmani selain membangun **inovasi QR Code (L5-5e)** untuk tempahan peralatan dan kemudahan sukan pelajar dan staf. Manakala UHEI menyediakan perkhidmatan kesejahteraan rohani melalui aktiviti yang berterusan kepada staf dan pelajar. Selain itu, staf UHEI turut menyediakan bimbingan dan latihan kepada pelajar asnaf malahan turut memberi bantuan kewangan serta inisiatif **Gerobok Rezeki** di Pusat Islam bagi pelajar yang memerlukan hasil daripada sumbangan staf. Sumbangan ini telah memberi manfaat dan menyantuni pelajar-pelajar ansnaf di UiTMCP.

Penghargaan terhadap komitmen tenaga kerja UiTMCP diterjemahkan melalui Anugerah Kecemerlangan Pelajar (AKP) yang turut mengiktiraf sumbangan tenaga kerja BHEP dan penasihat-penasihat Persatuan dan Kelab atas sumbangan bakti kepada kecemerlangan pengurusan dan pembangunan bakat pelajar sebagai *Super Malay*.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_S01_SB05_20241_L5-5a Templat Pelunjuran Perjawatan Stat_.pdf](#)
2. [K0017_S01_SB05_20242_L5-5b Senarai Projek PASAK Tahun 2023_.pdf](#)
3. [K0017_S01_SB05_20243_L5-5c Waqaf Ilmu Series, UiTM Cawangan Perak_.pdf](#)
4. [K0017_S01_SB05_20244_L5-5d Senarai Aktiviti Webinar on Well-being dan Ceramah Unit Kaunseling dan Kerjaya_.pdf](#)
5. [K0017_S01_SB05_20245_L5-5e Inovasi QR Code Tempahan Peralatan dan Kemudahan Sukan_.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCP menyokong agenda transformasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk mencapai status universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan, dan keusahawanan dalam tempoh lima tahun. Matlamat ini dilaksanakan melalui Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025). Tumpuan Operasi UiTMCP dijalankan berdasarkan tiga fokus utama: Pembangunan Akademik Pelajar, Kecekapan Pengurusan Sumber dan Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar. Ini selaras dengan agenda nasional seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), memastikan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan global.

Dalam merancang sistem kerja UiTMCP secara sistematik, model *PDCA* diterapkan. Fasa **Perancangan (Plan)** dimulakan dengan penetapan matlamat dan objektif operasi universiti, berlandaskan matlamat *Strategic Execution Model 2025* UiTMCP, Objektif Kualiti UiTMCP, serta Amanat Naib Canselor dan Rektor UiTMCP. Perancangan ini disebarluaskan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan melibatkan semua unit serta pusat dalam organisasi. UiTMCP berperanan dalam mencapai sasaran Pelan Strategik UiTM 2025 mengikut kapasiti semasa.

Fasa **Pelaksanaan (Do)** melibatkan pelaksanaan penambahbaikan mengikut perancangan dan memastikan pencapaian objektif pengoperasian universiti. Proses ini merangkumi pematuhan kepada sistem kualiti kerja, kawalan kos, serta pengurusan risiko. Penekanan diberikan pada operasi universiti yang merangkumi pembangunan holistik pelajar dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani serta penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik, keusahawanan, kepimpinan, inovasi, dan kesukarelawanan, pengurusan sumber manusia dan fasiliti yang bersistematik dan penyeliaan kebajikan yang komprehensif.

Fasa **Pemantauan (Check)** melibatkan sistem semak dan imbang melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD). Setiap ketua pusat dan unit diwajibkan melaporkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (PI) universiti. Kemajuan PI oleh setiap PTJ dilaporkan dalam mesyuarat setiap enam bulan, dan pencapaian tersebut dipantau oleh Barisan Pengurusan Eksekutif. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) bertanggungjawab memantau penglibatan akademik, kepimpinan, serta aktiviti kokurikulum pelajar. Bagi pencapaian akademik, usaha penambahbaikan yang berterusan adalah berasaskan kepada Laporan SUFO untuk penilaian prestasi pensyarah serta Laporan CDL-CQI untuk pencapaian akademik pelajar. Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJI&MA) pula berperanan menggalakkan jaringan industri dan alumni serta ketampakan universiti, manakala Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan BHEP memastikan kebajikan serta pembangunan insaniah pelajar.

Fasa **Tindakan (Act)** melibatkan penandaarasan prestasi sebelum dan selepas pencapaian hasil sebagai langkah persediaan dan penambahbaikan. Tindakan diambil berdasarkan hasil pembelajaran dan risiko yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKSP. PTJ perlu melaksanakan tindakan mitigasi berdasarkan pelaporan risiko untuk memastikan kelestarian sistem operasi dan budaya kecemerlangan di kalangan barisan pimpinan serta pelajar UiTMCP dapat diteruskan. Kesimpulannya, setiap komponen dalam tadbir urus UiTMCP, termasuk ketua-ketua PTJ, bahagian, unit, organisasi, dan pertubuhan pelajar, menunjukkan komitmen kepimpinan yang cemerlang bersama barisan pengurusan tertinggi universiti untuk mencapai semua PI dan objektif kualiti ke tahap tertinggi.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan UiTMCP dalam mencapai objektif strategik dipetakan melalui tiga aspek utama: Operasi Akademik, Operasi Pengurusan Sumber, dan Perkhidmatan serta Kebajikan Pelajar. UiTMCP menekankan **kecemerlangan akademik pelajar** melalui pemeraksanaan **pembangunan kurikulum lestari** yang ditonjolkan melalui **pendekatan pembangunan program akademik yang diiktiraf oleh MQA** dan badan profesional (L6-2a). Ia melalui beberapa proses sistematik bermula dengan pelantikan AJK penyediaan program akademik, pembentangan dalam beberapa mesyuarat bermula dengan JKKN, JAN, JKIKU, SENAT, penyediaan dokumen akreditasi sementara, pembentangan dalam mesyuarat LPU dan diakhiri dengan pembentangan dalam mesyuarat peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan kekal relevan dan berdaya saing, UiTMCP menggunakan pendekatan **inovasi Pelan Tindakan Akreditasi Program dan Semakan Kurikulum (L6-2b)**. Pendekatan pragmatik ini signifikan memastikan setiap program tersebut mendapat akreditasi sama ada daripada MQA ataupun badan profesional melalui proses akreditasi penuh, semakan kurikulum komprehensif, dan akreditasi audit pematuhan.

Pelaksanaan kurikulum holistik didukung melalui **pendekatan pengurusan PdP bersistematik merangkumi proses PdP, penilaian dan pentaksiran pelajar**. Bagi proses PdP, silibus kurikulum distrukturkan berdasarkan pendekatan OBE-SCL yang berpaksikan kepada pencapaian hasil pembelajaran melibatkan pembangunan Program Educational Objective, Program Learning Outcome dan Course Learning Outcome. **Penjajaran konstruktif** dilaksanakan melibatkan proses merangka aktiviti PdP serta tugas pentaksiran yang mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai oleh pelajar menjurus kepada domain pengetahuan dan kemahiran seperti digariskan dalam 11 Domain Hasil Pembelajaran MQF. Pelaksanaan PdP dilaksanakan secara berkesan dengan menggunakan **pendekatan 21 Century Learning** yang menekankan elemen berfikir secara kritis, komunikasi berkesan, kolaborasi dan kreatif dalam kalangan pelajar. UiTMCP **turut memberdayakan komuniti dan industri melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu (L6-2c)**.

Kecekapan operasi pengurusan sumber turut ditingkatkan untuk **menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik**. Ia signifikan memastikan sumber digunakan secara optimum. UiTMCP cekap dalam memperkasakan pengurusan sumber manusia yang kompeten dan holistik. Barisan kepimpinan **menyediakan landskap PdP yang kondusif bagi memacu kecemerlangan UiTMCP melalui peruntukan bajet, penyediaan sumber dan fasiliti yang mencukupi Program** latihan berinovatif, insentif **serta kursus perkembangan profesional kepada akademia termasuk latihan keusahawanan** memastikan mereka mempunyai kompetensi kemahiran holistik dan kecemerlangan bakat. UiTMCP menyediakan **perkhidmatan e-scooter sebanyak 174 unit di 26 lot parking di sekitar kawasan kampus melalui Projek Micro-Mobility** yang berpandukan *Low Carbon Campus Initiatives*. Kemudahan ini memudahkan mobiliti pelajar dalam kampus (L6-2d).

UiTMCP mengutamakan **kebijakan dan kesejahteraan pelajar melalui pelbagai inisiatif yang komprehensif (L6-2e)**. **Inovasi Sistem Smart Zakat** digunakan untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan, dengan sumbangan zakat korporat yang ditingkatkan melalui potongan gaji pensyarah. Persatuan kebajikan staf seperti **Suapan Barakah** juga ditubuhkan untuk **menyumbang khidmat sosial dan menjaga kesejahteraan pelajar**. Bantuan lain termasuk Dapur HEP dan Dapur Asnaf untuk pelajar Non-resident (NR), membolehkan mereka berbelanja di pasaraya terpilih seperti Econsave dan TF Value-Mart. Selain itu, sebagai kemudahan mobiliti utama, memudahkan pergerakan pelajar. **Kebajikan pelajar kurang upaya (OKU) juga diberi perhatian** oleh Unit Pengurusan OKU (UPO) dan BHEP, yang memastikan kampus mesra OKU dengan penyediaan ruang *barrier-free campus* yang memudahkan pergerakan pelajar. Melalui pendekatan ini, UiTMCP memastikan bahawa pelajar bukan sahaja mampu mencapai kejayaan akademik, bahkan menikmati pengalaman yang bermakna UiTMCP, serta menyokong pembangunan peribadi secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_O01_OB02_20241_L6-2a Proses Akreditasi Universiti.pdf](#)
2. [K0017_O01_OB02_20242_L6-2b Pelan Tindakan Akreditasi dan Semakan Kurikulum.pdf](#)
3. [K0017_O01_OB02_20243_L6-2c Program pemindahan dan perkongsian ilmu.pdf](#)
4. [K0017_O01_OB02_20244_L6-2d Landskap PdP yang kondusif dan mobiliti pelajar.pdf](#)
5. [K0017_O01_OB02_20245_L6-2e Kebajikan Pelajar dan Perkhidmatan Sokongan OKU.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Untuk mencapai keberkesanan dalam pelaksanaan proses utama di UiTMCP, Model *Lean Six Sigma (Define - Measure - Analyse - Improve - Control)* diaplikasikan secara sistematik. Bersandarkan kepada aspirasi ke arah *Globally Renowed University 2025*, inisiatif bersepadu melibatkan semua PTJ diselaraskan.

Define: UiTMCP telah mengenalpasti keperluan dan pendekatan holistik dan sistematik dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Fokus utama adalah memperkasa kepimpinan pelajar, pembangunan insaniah, dan peningkatan akademik melalui sinergi bersama PTJ. Usaha ini signifikan dalam membantu UiTM mencapai aspirasi *GRU 2025*. **Agenda pemerikasaan pembangunan akademik menjadi tumpuan operasi UiTMCP dengan penyebarkan program akademik melalui Misi Akademik, Ekspo Selangkah ke UiTM, promosi bersasar secara fizikal, media dan brosur (L6-3a).**

Improve: Ketampakan pemantapan pembangunan akademik **disebarluas melalui pelantikan akademia sebagai pakar rujuk NOBLE, AJK semakan kurikulum**, auditor, panel MQA dan badan profesional (L6-3b). **Penyebarkan turut dilaksanakan melalui pelantikan pemeriksa luar industri dan akademia dalam pembangunan akademik dan semakan kurikulum**, lawatan penanda aras, mempergiat jaringan dan rangkaian MoU/MoA, serta penyertaan dalam pertandingan inovasi untuk mencipta kecemerlangan akademik pelajar.

UiTMCP memperkasakan PdP berinovatif bagi menyediakan landskap pembelajaran kondusif ke arah Kampus Pintar 2025. Ia diperluaskan melalui penubuhan *Hub for Innovative Teaching & Learning (HITeL)* dan ULIT yang menawarkan Latihan dan pertandingan inovasi PdP. Pembangunan MOOC dan penyampaian CGCT disebarluaskan ke peringkat global dan global. Amalan terbaik perkhidmatan e-scooter diperluaskan melalui perkongsian semasa lawatan penanda aras dari organisasi luar, taklimat penggunaan e-scooter kepada pelajar baru semasa MDS, Bengkel Strategik dan Webiner Green Campus Initiative for Green Transportation (L6-3c).

Bagi pembangunan insaniah pelajar, program kesukarelawanan dirangka berdasarkan kerangka SULAM. **Perluasan agenda ini digarap melalui kelestarian hubungan dinamik di antara universiti, kerajaan, industri dan masyarakat (Quadruple Helix Engagement Model)**. Dalam konteks **kepimpinan**, latihan kepimpinan seperti KESATRIA, SUKSIS, dan bengkel kecemerlangan dirancang oleh UKP untuk melahirkan pemimpin pelajar yang berwibawa (L6-3d). Latihan ini disusun secara komprehensif dan diperluaskan melalui Modul Kepimpinan di bawah tata kelola BHEP untuk melahirkan pemimpin pelajar yang berintegriti, berdaya saing, dan mampu menghadapi cabaran global (L6-3e). Program pembangunan insaniah melibatkan kerjasama antara PJM&A, kolej, fakulti, UHEI, dan HEP, dengan menggunakan carta alir untuk memudahkan pelaksanaan. Kem Teraju Mahasiswa dijalankan untuk memperluaskan peranan MPP dan persatuan dalaman.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_O01_OB03_20241_L6-3a Agenda pemerikasaan pembangunan akademik.pdf](#)
2. [K0017_O01_OB03_20242_L6-3b Pemantapan pembangunan akademik.pdf](#)
3. [K0017_O01_OB03_20243_L6-3c Memperkasakan PdP Berinovatif.pdf](#)
4. [K0017_O01_OB03_20244_L6-3d Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0017_O01_OB03_20245_L6-3e Perkembangan akademik pelajar.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pelaksanaan operasi UiTMCP yang menyeluruh dilaksanakan melalui kelulusan program oleh ketua PTJ dan pembentangan pelaporan dalam mesyuarat-mesyuarat. Setiap program yang dirancang perlu mendapat **kelulusan daripada ketua PTJ** untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan program dalam konteks operasi pengurusan dan pembangunan pelajar (**L6-4.1a**). Ini termasuk menilai program dapat **meningkatkan pengalaman dan pembangunan pelajar. Pencapaian program, isu berbangkit serta pengurusan risiko dibincangkan dalam mesyuarat bagi mengenal pasti tindakan yang perlu ambil untuk mencapai matlamat dan menyelesaikan isu berbangkit.**

Fokus pemantauan operasi pembangunan akademik pelajar UiTMCP adalah berdasarkan prinsip OBE iaitu memfokuskan kepada pemantauan hasil pencapaian pembelajaran. Penganalisan bagi pengukuran tahap pencapaian dan kepuasan pelanggan terhadap PdP dilaksanakan mengikut kitaran OBE (perancangan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian.) Pemantauan dan penilaian terhadap pencapaian pelajar dilaksanakan melalui *SLEQ, EES, CDLCQI* dan pencapaian 6 KPI peperiksaan. Pemantauan hasil pencapaian pelajar juga dilaksanakan secara kumulatif berdasarkan PLO. Semua kursus yang dipetakan kepada PLO diukur hasil pembelajaran pelajar pada setiap semester dan di akhir kohort pelajar (**L6-4.1b**). **Pemantauan turut** melibatkan pengukuhan terhadap program akademik yang ditawarkan melalui **semakan kurikulum** untuk memastikan ia relevan dan memenuhi standard Malaysian Qualifications Agency (MQA) serta badan profesional. **Penandaarasan bersama industri dan institusi luar** juga dilakukan untuk memastikan program pengajian selaras dengan amalan terbaik. Selain itu, tinjauan kebolehpasaran graduan oleh KPT dijalankan untuk **menilai kebolehpasaran graduan UiTMCP.**

Pemantauan operasi pengurusan sumber dilaksanakan melalui Sistem PRIME. Laporan pelaksanaan program **dipantau secara berkala menggunakan sistem PRIME** yang menilai pelaksanaan program pelajar (**L6-4.1c**). Pemantauan ini memastikan **kecekapan operasi pengurusan dan pembangunan pelajar.** Sistem ini membantu mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan bagi memastikan sumber manusia digunakan secara optimum. Selain itu, **pemantauan aktiviti pelajar oleh HEP dilakukan** secara menyeluruh untuk memastikan aktiviti selaras dengan matlamat UiTM, bermanfaat kepada pembangunan pelajar serta **memberikan nilai tambah kepada pelajar (L6-4.1d).** Pemantauan ini membantu memastikan **keberkesanan pengurusan pelajar dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia** untuk mencapai hasil yang positif.

Pelan Tindakan Pemantauan Operasi Perkhidmatan UiTMCP diperkasakan melalui inovasi Indeks Kegembiraan Pelajar UiTMCP. Berdasarkan Model RAAPII (**Relationship, Achievement, Academic Environment, Positive Emotion, Involvement, Infrastructure**) (**L6-4.1e**). Melalui RAAPI, UiTMCP boleh mengenal pasti kelebihan dan kelemahan dalam penyampaian operasi perkhidmatan UiTMCP dan kualiti pendidikan pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [K0017_O01_OB04_OC01_20241_L6-4.1a Kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab \(PTJ\).pdf](#)
2. [K0017_O01_OB04_OC01_20242_L6-4.1b Pemantauan Operasi Pembangunan Akademik .pdf](#)
3. [K0017_O01_OB04_OC01_20243_L6-4.1c Pelaporan sistem PRIME.pdf](#)
4. [K0017_O01_OB04_OC01_20244_L6-4.1d Memantau aktiviti Majlis Perwakilan Pelajar \(MPP\) dan aktiviti pelajar.pdf](#)
5. [K0017_O01_OB04_OC01_20245_L6-4.1e Student Happiness Index.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pencapaian akademik menjadi indikator tahap kejayaan pelajar dan menzahirkan prestasi kecemerlangan UiTMCP. Agenda pengurusan risiko dan kegagalan pencapaian 6 KPI **peperiksaan (CGPA, GOT, AD, ANC, kursus gagal >25%, pelajar gagal >3%)** sangat dititikberatkan bagi memastikan kualiti pendidikan pelajar. Analisa ini dilaksanakan selepas peperiksaan di peringkat jabatan dan fakulti, Mesyuarat JAN dan disahkan di peringkat SENAT untuk menilai pencapaian tertinggi dan terendah bagi risiko ketidakcapaian 6 KPI peperiksaan. **Analisa risiko CDL-CQI** dilakukan bagi menghasilkan langkah mitigasi yang berkesan **(L6-4.2a)**.

Terdapat banyak isu berkaitan operasi pengurusan sumber di sepanjang tahun 2023. Risiko berhubung sumber peralatan komputer di Makmal **Komputer Fakulti Perakaunan tidak mencukupi untuk menampung pelajar** yang akan mengambil subjek AIS155 telah didaftarkan sebagai **risiko operasi bertahap tinggi**. Mitigasi pantas dilakukan dengan membenarkan penggunaan makmal komputer di Blok KPPIM bagi memenuhi keperluan PdP subjek AIS155. Begitu juga risiko kemungkinan berlaku kebakaran di Makmal Sains FSG akibat *stopper* LPG yang telah usang. Mitigasi cekap dilaksanakan melalui tindakan penggantian Stopper LPG dengan model baharu. Risiko **capaian rangkaian internet yang lemah** mengganggu proses PdP pelajar. UiTMCP mengambil responsif menggantikan secara berfasa peralatan rangkaian terlibat oleh Unit Infrastruktur ICT. Langkah ini dapat **mengelakkan risiko strategik yang menghalang untuk mencapai hala tuju universiti khususnya berkaitan pelaksanaan dasar PdP** seperti *21st Century Teaching and Learning, IR4.0* dan *Education 5.0@UiTM* **(L6-4.2b)**.

Risiko nisbah pelajar dan pensyarah tidak memenuhi keperluan MQA dan Badan Profesional turut menjejaskan pengurusan sumber manusia akibat kekurangan pensyarah. Risiko kewangan yang berpunca dari kekurangan sumber kewangan, enrolmen pelajar melebihi unjuran, serta pertambahan program akademik baharu merupakan risiko yang sentiasa didepani oleh UiTMCP. UiTMCP menyediakan pelan tindakan melalui analisa yang dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko serta dibentangkan di MKSP dua tahun sekali **(L6-4.2c)**.

UHEI UiTMCP **menjalankan soal selidik** pada setiap semester bagi mengenalpasti keperluan pelajar **(L6-4.2d)**. Inisiatif ini turut menilai kemampuan pelajar secara menyeluruh tanpa mengambilkira status kewangan keluarga. Pelajar UiTMCP terdedah dengan risiko kesihatan dan pemantauan dilakukan menerusi intervensi **Saringan Minda Sihat (DASS-21)** pada awal setiap semester. Inisiatif ini untuk mengesan secara berkala sebarang risiko kesihatan mental bagi memastikan tahap kesihatan pelajar berada pada tahap terbaik **(L6-4.2e)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_O01_OB04_OC02_20241_L6-4.2a Analisa risiko CDL-CQI.pdf](#)
2. [K0017_O01_OB04_OC02_20242_L6-4.2a Analisa risiko CDL-CQI.pdf](#)
3. [K0017_O01_OB04_OC02_20243_L6-4.2c Proses Kawalan Risiko.pdf](#)
4. [K0017_O01_OB04_OC02_20244_L6-4.2d Soal Selidik Zakat 2023.pdf](#)
5. [K0017_O01_OB04_OC02_20245_L6-4.2e Saringan Minda Sihat DASS-21.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCP sentiasa berusaha memperbaiki proses kerja dengan menilai tahap risiko tumpuan operasi melalui kajian semula dan tindakan pembetulan. Bagi risiko ketidakcapaian KPI peperiksaan, program yang terlibat menganalisa punca ketidakcapaian seperti peratusan kegagalan kursus melebihi 25% dinilai proses penyampaiannya, kandungan kursus dan latarbelakang pelanggan yang terlibat. Program penambahbaikan dijalankan contohnya, program kecemerlangan, perkongsian dari pihak industri dan alumni. **Penambahbaikan ini penting untuk pembangunan pelajar** dari sudut akademik (L6-4.3a).

Bagi risiko kekurangan sumber dalam melancarkan pengurusan dan pembangunan pelajar, penambahbaikan jangka-masa pendek adalah dengan melantik pensyarah sementara sepenuh masa. Bagi jangka masa panjang, pihak pengurusan fakulti akan menganalisa pelunjuran pensyarah bagi tempoh tiga tahun dan mensejajarkan dengan anggaran pelunjuran enrolmen pelajar untuk memastikan **nisbah pensyarah dan pelajar** mencukupi (L6-4.3b). Ini juga penting untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian akademik pelajar. Manakala bagi perkhidmatan pengurusan pelajar, BHEP UiTMCP di bawah Unit Kaunseling menjalankan pelbagai aktiviti dan **program untuk meningkatkan kesejahteraan pelajar** dengan mengadaptasi Manual JERI (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek), Saringan Minda Sihat, serta Webinar mingguan dengan topik yang relevan dengan isu-isu semasa yang menjurus kepada bidang tumpuan (L6-4.3c).

BHEP turut mengawal selia pengagihan zakat kepada para pelajar asnaf yang melalui Penyelaras Unit Zakat Sedekah & Wakaf UiTM Perak. Unit ini telah melaksanakan **program Zero Poverty Campus** sebagai inisiatif di peringkat UiTMCP bagi menjayakan matlamat Tiada Kemiskinan (No Poverty) iaitu matlamat pertama daripada 17 Matlamat Pembangunan Mapan atau Sustainable Development Goals (SDG) yang digagaskan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (L6-4.3d). Bagi penambahbaikan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti di bawah BHEP, *Smart Integration Awareness Program* (SIAP) digunakan sebagai proses kerja umum yang dikawal selia oleh Pendaftar BHEA. Dimana pelaporan secara *bottom-up* oleh unit-unit di bawah BHEP bagi setiap program dan aktiviti yang melibatkan Pembangunan dan pengurusan pelajar. Contohnya Unit Sukan melakukan penambahbaikan terhadap penyertaan atlet pelajar dalam pertandingan luar dengan **mengambil kira pencapaian** diperolehi. Kelemahan pasukan **dikenal pasti** supaya **pencapaian dapat ditingkatkan**. Keselamatan pelajar dalam program sukan **dititikberatkan** merangkumi perkhidmatan perubatan dan ambulan.

Bagi **meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan** yang diselaras oleh MASMED, kerjasama dengan pihak fakulti, industri serta agensi kerajaan, serta KPT dijalankan untuk merealisasikan impak tinggi dalam pembangunan pelajar dari sudut keusahawanan (L6-4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_O01_OB04_OC03_20241_L6-4.3a Penambahbaikan pembangunan pelajar.pdf](#)
2. [K0017_O01_OB04_OC03_20242_L6-4.3b Nisbah pensyarah dan pelajar.pdf](#)
3. [K0017_O01_OB04_OC03_20243_L6-4.3c Program peningkatan kesejahteraan pelajar.pdf](#)
4. [K0017_O01_OB04_OC03_20244_L6-4.3d Program Zero Poverty Campus.pdf](#)
5. [K0017_O01_OB04_OC03_20245_L6-4.3e Penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam memperkasakan pengoperasian dalam pembangunan akademik, pengurusan sumber dan kebajikan pelajar, UiTMCP komited dengan pelbagai penambahbaikan secara berterusan dengan pelbagai inovasi yang dilakukan. Antaranya adalah:

Pembangunan akademik pelajar

Penggunaan **sistem e-moderasi markah**. Sistem ini merupakan sistem yang telus kepada semua pelajar dalam pemberian markah akhir studio dimana pemberian markah akan diberi oleh pensyarah yang mengajar dan semua pensyarah di jabatan bagi mengelakkan ketidakadilan pemberian markah oleh pensyarah mengajar. Sistem e-moderasi markah dilakukan secara dalam talian dan data pemarkahan disimpan dalam *google drive*. Setelah itu, semua markah yang diberikan akan diabstrak dan dianalisis secara automatik sebelum dibentangkan di mesyuarat validasi pemarkahan. Sistem ini telah dikongsikan dengan UPSI dan seluruh sistem UiTM yang mempunyai penilaian akhir studio (**L6-5a**).

Pengurusan sumber

Dalam menghasilkan inovasi bersifat pendigitalan, inovasi berkaitan penjagaan persekitaran kampus selari dengan pencapaian UiTMCP dalam anugerah Green kampus 2023 serta melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif dalam menjaga kesejahteraan kampus seperti mengitar semula bahan terbuang dikalangan pelajar giat dijalankan. Antaranya inovasi berkaitan kitar semula yang dihasilkan ialah **CREAT (L6-5b)**. Inovasi ini merupakan sebuah produk yang mengetengahkan kesenian dan pelancongan hasil daripada barang terbuang. Inovasi yang dihasilkan oleh pelajar merupakan karya seni dan pelapik alas pinggan serta cawan hasil daripada kitar semula plastik yang terdapat di dalam kampus.

MPP i-centre merupakan satu inisiatif daripada MPP UiTMCP dalam mendapatkan maklumat aktiviti dari akar umbi mahasiswa dimana inovasi ini merupakan satu platform dalam membincangkan tentang aktiviti yang dijalankan. Selain daripada membincangkan hal aktiviti, inovasi ini juga memupuk sifat kepimpinan dikalangan pelajar supaya cakna dengan isu semasa dan bertanggungjawab (**L6-5c**).

Usaha-usaha mendigitalisasi dan inovasi kreatif ini banyak membantu dalam pelaksanaan, pemantauan dan pencapaian di UiTMCP bagi melahirkan graduan yang holistik dan kebolehpasaran dalam pekerjaan.

Kebajikan pelajar

Sistem Smart Zakat merupakan inovasi dalam mengenalpasti permasalahan yang membolehkan ketergangguhan pelajar dalam proses pembelajaran disebabkan masalah kewangan (**L6-5d**). Oleh itu, Sistem Smart Zakat ini merupakan satu platform bagi mengenalpasti permasalahan yang dibangunkan secara atas talian dengan berfokuskan kepada mengenalpasti kemiskinan dan mengetahui keperluan pelajar setiap semester di dalam kampus. Sistem ini menggunakan link dan kod QR yang diletakkan di laman web UiTMCP bagi memudahkan pelajar mengisi maklumat yang diperlukan oleh unit zakat setiap semester. Maklumat yang diisi pelajar akan disimpan dalam *Google drive* dan akan melalui proses pengiraan keperluan perbelanjaan pelajar secara automatik setelah mengambil kira berkaitan dengan pendapatan, tanggungan dan perbelanjaan pelajar di kampus. Oleh itu, sistem Smart zakat ini akan mengira keperluan yang diperlukan oleh pelajar secara adil dan saksama kerana penggunaan rubrik yang sama diantara pemohon tanpa mempunyai perasan ketidakadilan diantara pelajar setelah mendapat data yang tepat dan sahih.

Dalam mewujudkan kecekapan pengurusan peperiksaan akhir, UiTMCP telah menghasilkan inovasi **e-SE** yang memudahkan urusan pelajar dalam mengenalpasti kedudukan mereka dalam dewan peperiksaan dan menyediakan maklumat berkaitan dengan tarikh, tempat, dan waktu peperiksaan (**L6-5e**). Penggunaannya secara atas talian dimana pelajar hanya mengimbas kod QR dalam laman web UiTMCP dan masukan no pelajar bagi mendapatkan

maklumat berkaitan peperiksaan. Melalui sistem e-SE, pengawas peperiksaan dapat mengabstrak nama pelajar mengikut giliran bagi mendapatkan nama pelajar untuk mengenalpasti ketidakhadiran pada hari peperiksaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0017_O01_OB05_20241_L6-5a e-Moderasi Markah.pdf](#)
2. [K0017_O01_OB05_20242_L6-5b Inovasi CREAT.pdf](#)
3. [K0017_O01_OB05_20243_L6-5c MPP i-centre.pdf](#)
4. [K0017_O01_OB05_20244_L6-5d Sistem Smart Zakat.pdf](#)
5. [K0017_O01_OB05_20245_L6-5e inovasi peperiksaan e-SE.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

UiTMCP mengutarakan hasil Perancangan Strategik sebagai hasil utama dengan tiga fokus seperti berikut:

Fokus 1 Kecemerlangan Pengantarabangsaan Pelajar

Fokus 2 Keberkesanan Pelan Tindakan Strategik dalam Landskap Operasi UiTMCP

Fokus 3 Ketampakan dan Pengiktirafan

Tahap dan tren pencapaian UiTMCP serta maklumat perbandingan dianalisa dan kepentingannya diperincikan beserta bukti yang jelas.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2023 merakamkan pencapaian tahap kecemerlangan terbaik dan gemilang bagi UiTMCP dalam **bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar** dengan **pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** keseluruhan sebanyak **91.8%**. **Pencapaian ini** melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 85%, dan menempatkan UiTMCP di kalangan kampus cawangan yang mempunyai pencapaian **tertinggi di dalam sistem UiTM** dengan tren peningkatan bagi semua PI berbanding tahun sebelum. Terdapat **14 PI** berkaitan bidang tumpuan dengan **sepuluh PI telah melebihi sasaran dan empat PI mencapai sasaran**. Selain itu, **lapan Objektif Kualiti** UiTMCP yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan pelajar juga telah **melebihi sasaran** yang ditetapkan. Ini menunjukkan **keberkesanan pelan strategik** yang diimplementasikan telah memberi impak positif kepada **tahap pencapaian keseluruhan yang melebihi jangkaan**. Bidang tumpuan ini memfokus kepada 3 teras utama. **Pertama, Kecemerlangan Pengantarabangsaan Pelajar**, yang mempamerkan **peningkatan signifikan** dengan pencapaian yang melebihi sasaran berbanding tahun sebelum. Peningkatan ketara ditunjukkan dalam penyertaan pelajar di **peringkat global menerusi pelbagai aktiviti**. **Penyertaan ini memperkaya perspektif akademik dan kerjaya, memperluas kemahiran interaksi sosial antarabangsa**, sekaligus mempersiapkan pelajar untuk bersaing di arena global. **Kedua, Keberkesanan Pelan Tindakan Strategik (SAP)** diterjemah menerusi tren pencapaian sasaran program yang **meningkat secara berterusan**. Pelaksanaan pelan tindakan yang sistematik mencerminkan komitmen warga UiTMCP dalam menyelaras perancangan dan pelaksanaan setiap inisiatif dicapai melebihi ekspektasi. Pencapaian ini memberi impak positif kepada komuniti dan meningkatkan keupayaan UiTMCP kekal relevan dalam jangka masa panjang. **Ketiga, Ketampakan dan Pengiktirafan** UiTMCP yang semakin meningkat dengan pelaksanaan **program berkualiti tinggi** melibatkan **komuniti antarabangsa dan tempatan**. Pengiktirafan ini memperkukuh visibiliti UiTMCP di peringkat antarabangsa, memperluas jaringan industri bagi kebolehpasaran graduan berkualiti serta menambah nilai kepada usaha pengantarabangsaan. UiTMCP jelas terkehadapan dengan iltizam yang jitu bagi mengekalkan kecemerlangan gemilang dengan libatsama seluruh warga. Komitmen ini membuktikan UiTMCP mampu bersaing di persada tempatan dan antarabangsa dan kekal relevan sebagai institusi unggul melahirkan Bumiputera tangkas, kompeten dan holistik.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0017_HB02_20241_AKNC2024 - 7.1.2 Tahap Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0017_HB03_20242_AKNC2024 - 7.1.3 Tren Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0017_HB04_20243_AKNC2024 - 7.1.4 Perbandingan Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0017_HB05_20244_AKNC2024 - 7.1.5 Kepentingan Hasil Perancangan Strategik.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil utama kedua adalah Tumpuan Kepada Pelanggan yang diklasifikasikan kepada tiga fokus seperti berikut:

Fokus 1 Keberhasilan Kecemerlangan Bakat Mahasiswa Merentasi Bidang

Fokus 2 Akauntabiliti dalam Pengurusan Staf Akademik

Fokus 3 Kesejahteraan dan Kesiediaan Pengembangan Bakat

Tahap dan tren pencapaian UiTMCP serta maklumat perbandingan dan kepentingan dinyatakan beserta bukti terperinci.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCP telah **mencapai tahap kecemerlangan terbaik** dalam pelbagai bidang strategik yang mencerminkan keupayaannya untuk bersaing di peringkat global. **Keberhasilan kecemerlangan bakat pelajar, akauntabiliti pengurusan staf akademik, dan pengembangan bakat melalui hubungan strategik dengan industri dan komuniti** adalah antara kejayaan utama yang telah memperkukuh reputasi UiTMCP di arena antarabangsa. **Pertama**, dari segi **keberhasilan kecemerlangan bakat pelajar merentas pelbagai bidang**, UiTMCP telah menunjukkan peningkatan yang signifikan. Tahap penyertaan pelajar dalam **program-program antarabangsa, pertandingan berprestij, dan projek tanggungjawab sosial** berada pada **tahap terbaik**. Penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai platform ini tidak hanya memberi mereka peluang untuk mengasah **bakat dan kemahiran** tetapi juga **meningkatkan daya saing di pasaran global**. Kejayaan pelajar dalam meraih pengiktirafan dari pelbagai pihak membuktikan bahawa UiTMCP berjaya dalam usaha membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga berkemahiran tinggi dan berdaya saing di pasaran global. **Kedua**, dalam aspek **akauntabiliti pengurusan staf akademik**, UiTMCP telah mengambil langkah progresif dengan memperkenalkan **penilaian prestasi yang lebih ketat dan telus**. Penilaian ini memastikan staf akademik sentiasa berdaya saing, dengan penekanan terhadap **pembangunan profesional** berterusan yang menggabungkan amalan terbaik global. Perbandingan dengan institusi lain menunjukkan bahawa UiTMCP berada terkehadapan dalam mengekalkan standard pendidikan yang tinggi. Ini bukan sahaja memperlihatkan komitmen UiTMCP terhadap **kualiti pengajaran dan pembelajaran** tetapi juga menjamin bahawa pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran yang optimum. Akauntabiliti yang kuat ini penting untuk mengekalkan integriti akademik dan memastikan staf akademik UiTMCP berintegriti dan berprestasi cemerlang. **Ketiga**, dari sudut **kesejahteraan dan pengembangan bakat bersama industri, komuniti, dan alumni**, UiTMCP telah memperlihatkan keupayaan luar biasa dalam membina dan mengukuhkan hubungan strategik. **Kolaborasi dengan pihak industri dan komuniti** memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mendapat pendedahan praktikal dan sokongan yang diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya. **Program kesejahteraan yang holistik, peluang latihan, dan jaringan pekerjaan yang luas** menjadi komponen utama yang memastikan graduan UiTMCP bersedia untuk menyumbang kepada masyarakat. Dibandingkan dengan institusi lain, UiTMCP menonjol dalam memastikan graduannya berdaya saing dan bersedia untuk menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan yang sentiasa berubah. **Secara keseluruhan**, kejayaan UiTMCP dalam **pengurusan bakat pelajar, akauntabiliti staf akademik, dan kolaborasi strategik dengan industri dan komuniti** telah mengukuhkan kedudukannya sebagai salah **satu institusi terkemuka di peringkat global**. Pencapaian ini bukan sahaja meningkatkan reputasi UiTMCP di mata dunia tetapi juga memastikan bahawa ia terus **relevan dalam memenuhi keperluan pasaran kerja global yang dinamik**. Dengan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan akademik dan pembangunan holistik pelajar, UiTMCP berada pada landasan

yang akan akan terus menjadi peneraj dalam perikanan tinggi dan mengemukakan modal insan berkualiti tinggi yang mampu menghadapi cabaran dunia moden.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0017_HB02_20241_AKNC2024 - 7.2.2 Tahap Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0017_HB03_20242_AKNC2024 - 7.2.3 Tren Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0017_HB04_20243_AKNC2024 - 7.2.4 Perbandingan Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0017_HB05_20244_AKNC2024 - 7.2.5 Kepentingan Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil utama ketiga merujuk kepada hasil Operasi yang dilaporkan melalui tiga fokus seperti berikut:

Fokus 1 Pembangunan Akademik Pelajar

Fokus 2 Hasil Kecekapan Pengurusan Sumber

Fokus 3 Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar

Tahap dan tren pencapaian UiTMCP serta maklumat perbandingan dianalisa dan kepentingannya diperincikan beserta bukti yang jelas.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCP terus melonjak sebagai institusi pengajian tinggi unggul melalui pelbagai inisiatif dan pencapaian dalam pembangunan akademik pelajar, kecekapan pengurusan sumber serta perkhidmatan dan kebajikan pelajar. Bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar menumpukan kepada **tiga fokus utama**. Pertama **Pembangunan Akademik Pelajar**; fokus utama UiTMCP adalah memastikan setiap pelajar mencapai kecemerlangan akademik. Pelbagai prakarsa telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan akademik pelajar. Antara langkah proaktif diambil adalah semakan kurikulum setiap tiga tahun, pengiktirafan akreditasi oleh badan professional serta analisa keberkesanan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran ke atas pensyarah dan pelajar. Keberhasilan langkah proaktif ini diterjemah kepada **pencapaian 6 KPI peperiksaan, kejayaan pelajar mendapat pengiktirafan badan professional dunia serta program akademik UiTMCP diletakkan di kedudukan terbaik penarafan dunia**. Pembangunan akademik pelajar juga dicapai menerusi **Knowledge Transfer Program (KTP)** yang melaksanakan program pemindahan ilmu dan kemahiran di antara pelajar dengan komuniti. Ini secara tidak langsung mendidik pelajar untuk cemerlang akademik di samping menyumbang kepada masyarakat setempat dan komuniti. **Kedua, Kecekapan Pengurusan Sumber**; keberkesanan pengurusan sumber yang dimiliki menjadi pemangkin kejayaan operasi UiTMCP. Sumber ini merangkumi pensyarah dan staf, sumber bahan PdP, sumber kewangan serta sumber fasiliti fizikal. Pembangunan kompetensi pensyarah dan pengiktirafan kelayakan oleh badan professional menyumbang kepada kemenjadian pelajar dari aspek kualiti dan pencapaian. UiTMCP menyediakan kemudahan **e-scooter** yang menyumbang kepada mempercepat **mobiliti pelajar**, menggalakkan **amalan hidup sihat**, menambah **sumber pendapatan universiti** serta membantu **mengurangkan pelepasan karbon demi kelestarian kampus**. Selain itu, kebijaksanaan UiTMCP dalam **penyelerasan peruntukan kewangan** serta **penyediaan sumber rujukan PdP** turut membantu kecemerlangan pengurusan operasi. Dan **ketiga, Perkhidmatan dan Kebajikan kepada Pelajar**. Pelbagai program kebajikan dan sokongan telah diperkenalkan untuk memastikan **kesejahteraan fizikal, mental, dan sosial pelajar** berada pada **tahap optimum**. Perkhidmatan kaunseling dan bimbingan telah diperkukuh untuk membantu pelajar menangani tekanan akademik dan kehidupan di kampus. **Penyelerasan perkhidmatan bantuan kewangan dalam bentuk zakat** telah dipertingkat bagi menyokong pelajar yang memerlukan. **Program kesihatan dan kesejahteraan**, serta inisiatif pembangunan kerjaya, telah diperluas untuk memastikan pelajar membuat persediaan mental dan fizikal serta mendapat pendedahan dunia kerjaya masa hadapan. UiTMCP telah **mencapai kejayaan** yang memberangsangkan dalam aspek pembangunan akademik pelajar, kecekapan pengurusan sumber serta perkhidmatan dan kebajikan kepada pelajar berasaskan kepada keberhasilan daripada operasi yang dijalankan. Kejayaan ini membuktikan dedikasi UiTMCP dalam memastikan **kualiti pendidikan yang tinggi, pengurusan operasi dan sumber yang efisien, dan perkhidmatan serta kebajikan yang komprehensif**. UiTMCP terus beriltizam untuk memperkukuh peranan

dan ranger sebagai sebuah model pengajaran yang menggabungkan kemampuan generasi Bumiputera yang holistik.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0017_HB02_20241_AKNC2024 - 7.3.2 Tahap Hasil Operasi.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0017_HB03_20242_AKNC2024 - 7.3.3 Tren Hasil Operasi.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0017_HB04_20243_AKNC2024 - 7.3.4 Perbandingan Hasil Operasi.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0017_HB05_20244_AKNC2024 - 7.3.5 Kepentingan Hasil Operasi.pdf](#)